

LAPORAN TAHUNAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-83



2025
2026

PEJABAT URUSAN

moccis

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI MELAYU MALAYSIA BERHAD

NILAI DAN KOMITMEN

PRINSIP

Kejujuran, ketulusan dan keluhuran budi; Produktiviti dan kecekapan; dan Pengurusan utuh dan canggih berasaskan semangat berpasukan.

WAWASAN

Untuk menjadikan MOCCIS antara koperasi terbaik di Malaysia.

MISI

Memberi peluang, dorongan, bantuan dan galakkan dalam penyediaan kemudahan serta faedah kepada anggota dan kakitangan untuk kemajuan diri mencapai kejayaan ekonomi yang baik dengan sikap dan minda positif bersandarkan amalan budaya kerja cemerlang.

Membantu dan memberikan kemudahan serta faedah dalam mendorong, memberi peluang dan galakkan kepada anggota serta kakitangan untuk memajukan diri mencapai kejayaan ekonomi yang baik dengan sikap dan minda positif.

Memberikan kemudahan dan faedah kepada anggota serta kakitangan untuk memajukan diri mencapai kejayaan ekonomi dengan bantuan, dorongan, peluang dan galakan melalui sikap dan minda positif berlandaskan amalan budaya kerja cemerlang.

VISI

Menjadikan MOCCIS antara 100 koperasi terbaik di Malaysia.

Menjadikan MOCCIS koperasi terbaik dalam memberikan perkhidmatan, produk dan keperluan di Malaysia.

Menjadikan MOCCIS koperasi yang unggul dan cemerlang dalam kalangan terbaik di Malaysia.

DASAR KUALITI

Komitmen terhadap perkhidmatan bagi kepuasan hati para pelanggan dan anggota koperasi melalui pengurusan berkualiti tinggi dan Akta Koperasi dan Undang-undang berkaitan bersandarkan amalan budaya kerja cemerlang.

PENGHARGAAN

Pengerusi dan Anggota Lembaga Koperasi serta Pengurusan MOCCIS ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terhadap sumbangan, syor-syor dan nasihat yang berterusan yang diberikan oleh:

- Anggota MOCCIS di atas keprihatinan dan komitmen mereka;
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang sentiasa menyokong usaha MOCCIS untuk sentiasa ke hadapan dan kekal positif.
- Kerajaan Malaysia, khususnya Kementerian Kewangan dan pegawai-pegawainya yang mengambil berat dan prihatin akan masalah kewangan yang dihadapi MOCCIS;
- Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Ketua Pegawai Eksekutif SKM, Pengarah SKM Cawangan Wilayah Persekutuan dan kakitangan SKM yang sentiasa memberi nasihat, tunjuk ajar dan pertolongan kepada MOCCIS;
- Ketua-ketua jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat kerajaan atas kerjasama mereka dalam pelbagai perniagaan yang dilaksanakan MOCCIS terutamanya pembiayaan Al-Aslah sama ada melalui ANGKASA ataupun secara terus;
- Bank Rakyat, Co-opbank Pertama Malaysia Berhad dan institusi kewangan lain yang telah memberi sokongan dan khidmat kewangan kepada aktiviti-aktiviti MOCCIS;
- Semua koperasi dan pihak yang berurusan dengan MOCCIS; dan
- Semua lapisan dan warga MOCCIS serta anak-anak syarikatnya yang telah memberi perkhidmatan cemerlang dalam meningkatkan kejayaan MOCCIS.


ISI KANDUNGAN

	M/S
Maklumat Korporat Koperasi	7
Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-83	9
Melantik Pengerusi Mesyuarat bagi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-83	11
Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-82 (Agenda 2)	12
Melantik Suatu Jawatankuasa Terdiri Daripada Enam Orang Perwakilan Dan Empat Orang Anggota Lembaga Untuk Menentusah Deraf Minit Mesyuarat Agung (Agenda 3)	28
Laporan Anggota Lembaga MOCCIS (Agenda 4.1)	29
Laporan Jawatankuasa Syariah (Agenda 4.2)	42
Laporan Jawatankuasa Audit Dalamam (Agenda 4.3)	45
Menimbang dan Meluluskan Penyata Kewangan Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya Bagi Tahun 2023, 2024 dan 2025 (Agenda 5)	49
Memilih Anggota Lembaga Baru (Agenda 6)	50
Menimbang Belanjawan Tahunan Bagi Tahun Kewangan 2026 (disemak semula) dan 2027 (Agenda 7)	52
Menimbang dan Meluluskan Elaun dan Saraan Kepada Anggota Lembaga dan Anggota Jawatankuasa Audit Dalamam dan Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat (Agenda 8)	56
Meluluskan Perlantikan Suatu Panel Juruaudit Luar (Agenda 9)	59
Meluluskan Skop dan Had Pelaburan Koperasi (Agenda 10)	61
Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi (Agenda 11)	63
Mendengar, Menimbang atau Memutuskan Apa-apa Cadangan Atau Hal Urusan Lain Koperasi (Agenda 12)	65
Menimbang dan Meluluskan apa-apa Cadangan Pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi (Agenda 13)	66
Kelulusan Pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi	67
Senarai Lampiran	
Lampiran 1 Senarai Kehadiran Perwakilan di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-81	78
Lampiran 2 Panduan Perjalanan Mesyuarat	80

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI TAHUN 2025/2026



JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN TAHUN 2025/2026



PENGURUSAN TAHUN 2025/2026



MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA KOPERASI TAHUN 2025/2026

DATO' AHMAD SOBRI BIN WAN TEH
PENGURUSI

DATO' HJ. AZIZAN BIN NOORDIN
SETIAUSAHA

DATO' ABDUL AZIZ BIN MAT
BENDAHARI

DATO' AZHAR BIN HUSIN
ENCIK KAMAL EFFENDI BIN MOHD ARIF
ANGGOTA LEMBAGA

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

ENCIK HASHIM BAKHTIAR BIN AMIR SHAHARUDIN
PENGURUSI

PROF. DR. IBRAHIM KAMAL BIN ABDUL RAHMAN
TUAN SYED HASHIM BIN SYED A RAHMAN
AHLI JAWATANKUASA

BARISAN PENGURUSAN

TUAN HAJI MOHD NOR BIN ABU BAKAR
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE OFFICER (CEO)

CIK NURULFAIZUL AZWA BINTI ABD SALAM
KETUA PEGAWAI OPERASI
CHIEF OPERATIONS OFFICER (COO)

PUAN MARINA BINTI SULAIMAN
KETUA PEGAWAI KEWANGAN
CHIEF FINANCIAL OFFICER (CFO)

ENCIK MOHD HASRUL BIN ABDULLAH
KETUA PEGAWAI KOMUNIKASI
CHIEF COMMUNICATIONS OFFICER (CCO)

PUAN ROHAYA BINTI ABDUL KARIM
KETUA PEGAWAI MAKLUMAT
CHIEF INFORMATION OFFICER (CIO)

JURUAUDIT LUAR
MHA ASSOCIATES PLT

PENASIHAT
ENCIK ZAHARI BIN OMAR

PANEL PEGUAM
TETUAN RAJES HISHAM RAHIM & GOPAL
TETUAN ROSIDI HASSAN & CO.

PANEL BANK
BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD
CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD
CIMB BANK BERHAD
MALAYAN BANKING BERHAD
RHB BANK BERHAD

PEJABAT BERDAFTAR
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI MELAYU MALAYSIA BERHAD (MOCCIS)
NO 27-3, JALAN JELATEK 2, PUSAT PERNIAGAAN JELATEK, OFF JALAN JELATEK,
PETI SURAT 12548, 50782 KUALA LUMPUR
TEL. NO.: 603-4260 4227 (9 TALIAN), FAX NO.: 603-4260 4236
Laman Sesawang: www.moccis.org.my E-mel: moccisb@moccis.org.my

NOTIS MESYUARAT

27 Julai 2026

Kepada:

Anggota Perwakilan
Koperasi Pegawai-pegawai Melayu Malaysia Berhad (MOCCIS)

Y.A.Bhg./YBhg/Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-83

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan yang ke-83 Koperasi ini akan diadakan pada hari Ahad, 16 Ogos 2026 jam 9.00 pagi bertempat di Dē MOCCIS Boutique Hotel, Bilik Tamingsari 1, Mezzanine Floor, 260 G, Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur.

Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan MOCCIS ke-83:

1. Melantik Pengerusi bagi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-83.
2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan MOCCIS ke-82.
3. Melantik suatu Jawatankuasa terdiri daripada enam orang Perwakilan dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-83.
4. Membentangkan:
 - 4.1 Laporan Anggota Lembaga Koperasi
 - 4.2 Laporan Jawatankuasa
 - 4.3 Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman
5. Menimbang dan meluluskan penyata kewangan teraudit Koperasi dan subsidiarinya, termasuk pembahagian keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, 2024 dan 2025.
6. Memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK).
7. Menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan bagi tahun 2026 (disemak semula) dan 2027.
8. Menimbang dan meluluskan elaun dan honorarium kepada Anggota Lembaga dan Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman dan saraan kepada Anggota Lembaga yang dilantik sebagai Pengarah bagi Subsidiari Koperasi dan elaun Jawatankuasa Audit Dalaman.
9. Meluluskan perlantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang Juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

10. Meluluskan skop dan had pelaburan Koperasi RM100.0 juta.
11. Menentukan had maksimum keterhutangan RM350.0 juta.
12. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau hal urusan lain Koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan.
13. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi.

Dengan perintah Lembaga,



DATO' HJ. AZIZAN BIN NOORDIN
Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu
Malaysia Berhad (MOCCIS)

Sk Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Pengarah
SKM Cawangan Wilayah Persekutuan

AGENDA 1

MELANTIK Pengerusi Bagi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KE-83

AGENDA 2

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN MOCCIS KE-82

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-82
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI MELAYU MALAYSIA BERHAD (MOCCIS)
YANG TELAH DIADAKAN PADA
HARI KHAMIS, 25 SEPTEMBER 2025 JAM 9.00 PAGI
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT, MEZZANINE FLOOR, Dē MOCCIS BOUTIQUE HOTEL,
260 G, JALAN SULTAN AZLAN SHAH, 51200 KUALA LUMPUR.**

KEHADIRAN :

1. ANGGOTA LEMBAGA :

1.1 YBhg. Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh	Pengerusi	8080
1.2 YBhg. Dato' Haji Azizan Bin Noordin	Setiausaha	17763
1.3 YBhg. Dato' Abdul Aziz Bin Mat	Bendahari	6067
1.4 YBhg. Dato' Haji Azhar Bin Husin	Anggota Lembaga	10766
1.5 Encik Kamal Effendi Bin Mohd Arif	Anggota Lembaga	14793

ANGGOTA LEMBAGA TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1.1 Tuan Haji Mohd Asri Bin Mohamad Ghazali (Cuti Sakit)	Anggota Lembaga	17761
---	-----------------	-------

2. JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN :

2.2 Encik Hashim Bakhtiar Bin Amir Shahrudin	Pengerusi	10547
2.2 YBrs Prof. Dr. Ibrahim Kamal Bin Abdul Rahman	Ahli Jawatankuasa	6940
2.3 Tuan Syed Hashim Bin Syed A Rahman	Ahli Jawatankuasa	17762

3 PEMERHATI

3.1 Dr. Jamaliah Binti Samdin	10251
3.2 Puan Hajah Sheriffa Zaharah Bte S A Aljunid	5753

4 JURUAUDIT LUAR

4.1 Cik Dayana Binti Dimyati	- Juruaudit Atarek Kamil Ibrahim & Co.
4.2 Cik Aimi Lina Zawani Binti Sahiran	- Juruaudit Atarek Kamil Ibrahim & Co.

5 ANGGOTA PERWAKILAN

Seramai 49 daripada 60 Anggota Perwakilan Koperasi MOCCIS Berhad telah hadir. Senarai nama perwakilan seperti di **Lampiran 1**.

6 PENGURUSAN:

6.1 Tuan Haji Mohd Nor Bin Abu Bakar	- Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)
6.2 Cik Nurulfaizul Azwa Binti Abd. Salam	- Ketua Pegawai Operasi (COO)
6.3 Puan Marina Binti Sulaiman	- Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
6.4 Puan Rohaya Binti Abdul Karim	- Ketua Pegawai Maklumat (CIO)
6.5 Encik Mohd Hasrul Bin Abdullah	- Ketua Pegawai Komunikasi (CCO)

7 PENCATIT MINIT:

- 7.1 Puan Nik Ralina Binti Ahmad
- 7.2 Cik Ifarizaini Binti Ibrahim
- 7.3 Puan Norhayati Binti Awi

8 WAKIL SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)

- | | |
|--|--|
| 8.1 Tuan Haji Efendee O P Andu | - Naib Ketua Pegawai Eksekutif
(Operasi dan Kawal Selia)
Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| 8.2 Encik Mohd Fadzli Bin Mat Lahim | -Timbalan Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan |
| 8.3 Encik Mohammad Farhan Bin
Mohamad Sabri | -Ketua Penolong Pengarah
(Kawal Setia)
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan |
| 8.4 Puan Aisyah Binti Ismail | -Penolong Pengarah Nasional B
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan |

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) ke-82 dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Muhamad Amal Fikri Bin Azman Shaar.

AGENDA 1: MELANTIK Pengerusi dan Setiausaha bagi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-82

- 1.1 YBhg. Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh (8080) mencadangkan Encik Zahari Bin Omar (17758) sebagai Pengerusi Mesyuarat.

Mesyuarat bersetuju sebulat suara melantik Encik Zahari Bin Omar (17758) sebagai Pengerusi Mesyuarat.

AGENDA 2: MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN YANG KE-81

- 2.1 Setiausaha MOCCIS membentangkan Minit MAPT ke-81 daripada muka surat 14 hingga 28.

Mesyuarat mengesahkan Minit MAPT ke-81 dengan cadangan oleh Encik Bahruddin Bin Sulaiman (17893) dan disokong oleh Tuan Syed Hashim Bin Syed A Rahman (17762).

AGENDA 3: MELANTIK SUATU JAWATANKUASA TERDIRI DARIPADA ENAM ORANG PERWAKILAN DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DERAH MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-82.

3.1 Pengerusi Mesyuarat meminta pencalonan bagi melantik enam (6) orang perwakilan sebagai anggota jawatankuasa tersebut. Perwakilan diminta memberikan nama dan nombor anggota kepada Setiausaha Mesyuarat. Seramai enam (6) orang anggota telah dipilih seperti nama berikut:-

- i. YBhg. Dato' Dr. Khalid Bin Ismail (17790)
- ii. YBhg. Dato' Meor Redwan Bin Mahayudin (17782)
- iii. YBhg. Datin Mardhiah Binti Md Zin (17781)
- iv. Puan Rosnal@Rosnah Binti Saman (10208)
- v. Encik Bahruddin Bin Sulaiman (17893)
- vi. Encik Nordin Sam Bin Zainal (8118)

3.2 Pengerusi Mesyuarat mencadangkan agar mesyuarat memberi mandat kepada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) untuk memilih empat (4) orang wakil dalam kalangan ALK.

Mesyuarat menerima sebulat suara dengan perlantikan tersebut.

AGENDA 4: MEMBENTANGKAN LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA DAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

4.1 LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA

4.1.1 Setiausaha MOCCIS membentangkan Laporan Anggota Lembaga Koperasi Tahun 2024/2025 bermula daripada muka surat 31 hingga 42.

4.1.2 YBhg. Dato' Dr. Khalid Bin Ismail (17790) memberi cadangan agar Laporan Tahunan MAPT ke-82 dihantar kepada anggota perwakilan tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum mesyuarat diadakan.

Anggota Lembaga Koperasi (ALK) mengambil maklum akan cadangan tersebut.

4.1.3 YBhg. Dato' Dr. Khalid Bin Ismail (17790) juga menyentuh berkenaan perkara nombor 8. Prestasi Kewangan 2023 dan 2024. Jadual 4: Maklumat Kewangan Utama di muka surat 34. Beliau memohon penjelasan berkaitan Untung (Rugi) Selepas Peruntukan Hutang Ragu yang sentiasa menunjukkan kerugian.

Pengerusi MOCCIS menjelaskan bahawa pada tahun 2020 dan 2021 semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan MOCCIS tidak perlu membayar hutang kepada institusi kewangan. Pada tahun 2022 dan 2023 peningkatan kerugian adalah kerana MOCCIS sudah mula membuat bayaran kepada pinjaman Kementerian Kewangan (MOF) yang berjumlah RM78.20 juta. MOCCIS telah membuat surat rayuan untuk menangguhkan pembayaran pinjaman sehingga tahun 2017. Pada tahun 2018 MOCCIS mula membuat pembayaran pada faedah pinjaman sebanyak RM50,000.00 sebulan (tertakluk kepada aliran tunai MOCCIS). Oleh yang demikian, jumlah pinjaman tersebut

telah meningkat kepada RM133.90 juta (pokok + faedah + penalti). Pada tahun 2025, MOCCIS telah menerima surat penstrukturan semula daripada MOF dengan pengurangan jumlah pinjaman kepada RM93.50 juta.

Pada tahun 2024 hingga 2025 MOCCIS tidak dapat menawarkan pembiayaan kepada anggota kerana kekurangan dana. MOCCIS telah menutup ketiga-tiga cawangan Ar-Rahnu X'Change disebabkan keuntungan yang minima. MOCCIS juga tiada sebarang aktiviti perniagaan baharu yang boleh menjana pendapatan. Pendapatan utama MOCCIS adalah daripada caruman anggota iaitu sebanyak RM20,212.00 sebulan daripada 673 anggota aktif mencarum sedangkan MOCCIS mempunyai seramai 5,261 anggota. Anggota yang bersara tidak wajib untuk membuat caruman mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 56(3).

Pengerusi MOCCIS juga memaklumkan bahawa MOCCIS telah memohon kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan telah diluluskan untuk membuka perniagaan Ar-Rahnu secara persendirian dan diberi pelepasan daripada francaisor Rakyat Management Services Sdn. Bhd. (RMS) serta pengecualian daripada Akta Francais dengan kelulusan YB Menteri KUSKOP. MOCCIS merancang untuk membuka 20 cawangan Ar-Rahnu di Lembah Klang. Oleh yang demikian Pengerusi MOCCIS memohon pihak SKM mengeluarkan lesen untuk aktiviti Ar-Rahnu kepada MOCCIS. MOCCIS kini sedang melihat perniagaan baru melalui kerjasama dengan Public Gold Sdn. Bhd. Aktiviti perniagaan MOCCIS pada masa ini tertumpu kepada Pembiayaan Al-Aslah, De MOCCIS Boutique Hotel dan Ladang MOCCIS Sdn. Bhd. (LMSB).

- 4.1.4 YBhg. Dato' Dr. Khalid Bin Ismail (17790) juga menyuarakan perkara 10.1 b(iii) dan (iv) muka surat 36 berkenaan Kondominium di Manila, Filipina dan Kondominium Sri Tijanni, Sg. Buloh, Selangor. Beliau mencadangkan supaya kedua-dua aset tersebut dijual jika tidak menjana pendapatan.

Pengerusi MOCCIS menjelaskan bahawa keputusan untuk menjual kondominium di Manila telah diluluskan di dalam Mesyuarat MAPT dan Mesyuarat ALK tetapi tiada pembeli sehingga kini. Manakala untuk kondominium Sri Tijanni, pendapatan sewa menurun selepas PKP dan pihak pengurusan kondominium menyerahkan pengurusan hartanah kepada MOCCIS. Beliau memaklumkan bahawa keputusan membeli kondominium Sri Tijanni tersebut dilakukan oleh Pengerusi dan ALK MOCCIS yang dahulu. Pengerusi MOCCIS bersetuju dengan cadangan YBhg. Dato' Dr. Khalid Bin Ismail (17790) untuk menjual kondominium Sri Tijanni, Sg. Buloh, Selangor. Beliau juga mencadangkan mesyuarat memberi mandat kepada ALK untuk membuat kajian dan melaporkan semula kepada anggota berkenaan perkara tersebut.

- 4.1.5 YBhg. Dato' Dr. Khalid Bin Ismail (17790) juga menyentuh berkenaan perkara 10.2 (i) Jadual 6 Pembayaran Dividen Bagi Tahun 2017-2024 muka surat 37. Dividen yang dibayar kepada pemegang Saham MOCCIS Nominees Sdn. Bhd. (MNSB) terlampau tinggi sehingga 60%. Beliau mencadangkan MOCCIS membeli semula saham MNSB daripada anggota.

Pengerusi MOCCIS menjelaskan bahawa selepas pemilihan beliau sebagai ALK pada tahun 2018, pihak ALK telah membuat kajian mengenai pembahagian dividen yang tinggi kepada pemegang saham MNSB. Beliau memaklumkan, pembayaran dividen pada tahun 2011 adalah sebanyak 100%. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan peratusan pembayaran dividen selepas tahun 2018. Pada Mesyuarat MAPT ke-81 telah dicadangkan agar MOCCIS membeli semula saham daripada pemegang saham MNSB menjadikan MOCCIS sebagai pemegang saham 100% atas nasihat Ketua Siasatan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) YBhg. Dato' Haji Azhar Bin Husin yang juga merupakan ALK MOCCIS.

Beliau memberitahu LHDN Negeri Perak telah membuat siasatan ke atas akaun LMSB berkaitan dengan pegangan saham di dalam MNSB. YBhg. Dato' Haji Azhar Bin Husin mencadangkan supaya MOCCIS membuat pelarasan semula dan juruaudit MNSB sepatutnya peka mengenai situasi yang berlaku. Perkara ini telah dibincangkan bersama Juruaudit MNSB dan SKM. Menurut juruaudit MNSB, ia merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang. Antara langkah penyelesaian yang boleh dilakukan adalah seperti cadangan berikut:

- i) Encik Mohammad Farhan Bin Mohamad Sabri, wakil SKM menyatakan bahawa beliau melihat masalah pelaburan MNSB di dalam MOCCIS. Untuk memindahkan akaun MNSB ke MOCCIS, ia melibatkan perakaunan dan perekodan. Beliau mencadangkan MOCCIS untuk membuat permohonan Skim Pelaburan Khas di bawah Garis Panduan 10 (GP10). Permohonan ini tertakluk kepada syarat dan kriteria yang ditetapkan. Beliau juga memaklumkan MOCCIS perlu membuat Proses Pemutihan bagi pemegang saham MNSB bukan anggota MOCCIS kerana keutamaan pegangan saham adalah kepada anggota MOCCIS.
- ii) Puan Aisyah Binti Ismail, Penolong Pengarah Nasional B SKM Wilayah menyatakan MOCCIS boleh membeli saham LMSB melalui MNSB tetapi MOCCIS perlu menyelesaikan isu berkaitan saham MNSB di antara Ahli Lembaga Pengarah MNSB dan 172 pemegang saham terlebih dahulu. Perkara ini melibatkan Pelaburan Wang Lebihan Koperasi MOCCIS ke dalam LMSB berjumlah RM3.30 juta.
- iii) YBhg. Dato' Haji Azhar Bin Husin menyarankan juruaudit mengubah polisi perakaunan kerana ia melibatkan banyak pihak. Menurut beliau, SKM, juruaudit dan ALK perlu berbincang bagi mengubah polisi perakaunan agar selaras bagi mengelakkan masalah yang sama berulang apabila LHDN membuat pengauditan.

Pengerusi MOCCIS memaklumkan bahawa ALK bersama-sama juruaudit dan SKM akan membuat kajian dan penilaian di atas teguran dan cadangan tersebut.

Mesyuarat menerima Laporan ALK tahun 2024/2025 yang dibentangkan dengan cadangan oleh YBhg. Dato' Dr. Khalid Bin Ismail (17790) dan disokong oleh YBhg. Dato' Meor Redwan Bin Mahayudin (17782).

4.2 LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD)

- 4.2.1 Encik Hashim Bakhtiar Bin Amir Shaharudin selaku Pengerusi JAD membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Tahun 2024/2025 daripada muka surat 44 hingga 48.

Mesyuarat menerima Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Tahun 2024/2025 yang dibentangkan dengan cadangan oleh Tuan Haji Mohd Nor Bin Abu Bakar (8770) dan disokong oleh Puan Marina Binti Sulaiman (17702).

AGENDA 5: MENIMBANG DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA BAGI TAHUN 2022 DAN DERAf PENYATA KEWANGAN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA BAGI TAHUN 2023 SERTA AKAUN PENGURUSAN TAHUN 2024

- 5.1 Bendahari MOCCIS membentangkan Penyata Kewangan Teraudit Koperasi Dan Subsidiarinya Bagi Tahun 2022 dan Deraf Penyata Kewangan Teraudit Koperasi Dan Subsidiarinya Bagi Tahun 2023 Serta Akaun Pengurusan Tahun 2024 yang diedarkan secara berasingan.
- 5.2 YBhg. Dato' Dr. Khalid Bin Ismail (17790) mencadangkan Penyata Kewangan dipaparkan pada skrin bagi memudahkan anggota perwakilan melihat maklumat kewangan dengan jelas.

Mesyuarat meluluskan Penyata Kewangan Teraudit Koperasi Dan Subsidiarinya Bagi Tahun 2022 dan menerima Deraf Penyata Kewangan Teraudit Koperasi Dan Subsidiarinya Bagi Tahun 2023 Serta Akaun Pengurusan Tahun 2024 dengan cadangan oleh Encik Nordin Sam Bin Zainal (8118) dan disokong oleh YBhg. Datin Mardhiah Binti Md Zin (17781)

AGENDA 6: MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (ALK) BAHARU

- 6.1 Pengerusi Mesyuarat membentangkan dua (2) kekosongan bagi jawatan ALK yang masih berkhidmat.

Pada tahun ini seramai dua (2) orang ALK yang bekerja perlu mengosongkan jawatan dan boleh dilantik semula. Mereka ialah :-

1. YBhg. Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh
2. Encik Kamal Effendi Bin Mohd Arif

Mesyuarat menerima cadangan melantik dua (2) orang calon yang dinyatakan sebagai ALK seperti dicadangkan oleh YBhg. Dato' Dr. Khalid Bin Ismail (17790) dan disokong sebulat suara oleh MAPT.

Kedua-dua calon telah mendapat penentusahan daripada SKM.

AGENDA 7: MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUNAN BAGI TAHUN 2025 (DISEMAK SEMULA) DAN TAHUN 2026

- 7.1 Bendahari MOCCIS membentangkan Belanjawan Tahunan Bagi Tahun 2025 (Disemak semula) dan Tahun 2026 daripada muka surat 53 hingga 55.

Mesyyuarat meluluskan Belanjawan Tahunan Bagi Tahun 2025 (Disemak semula) dan Tahun 2026 yang dibentangkan atas cadangan Puan Rosnal@Rosnah Binti Saman (10208) dan disokong oleh YBhg. Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh (8080).

AGENDA 8: MENIMBANG DAN MELULUSKAN ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH BAGI SUBSIDIARI KOPERASI

- 8.1 Setiausaha MOCCIS membentangkan Agenda 8: Menimbang dan meluluskan elaun kepada ALK dan JAD dan saraan kepada ALK yang dilantik sebagai Pengarah bagi subsidiari koperasi dan elaun JAD daripada muka surat 57 hingga 58.

- 8.2 Elaun Saraan Anggota Lembaga Koperasi.

Elaun Anggota Lembaga Koperasi (bulanan):

- a) Pengerusi : RM3,000.00 x 12 bulan = RM36,000.00
 b) ALK : (RM2,000.00 x 5 orang) x 12 bulan = RM120,000.00
 (4 ALK dan 1 Penasihat)

Elaun Jawatankuasa Audit Dalaman (setiap mesyuarat)

- a) Pengerusi : RM300.00
 b) Ahli Jawatankuasa : RM250.00

8.3 Elaun Saraan Pengarah Subsidiari Koperasi

8.3.1 Ladang MOCCIS Sdn. Bhd. (Fi Pengarah/setahun)

- a) Pengerusi : RM60,000.00
 b) Ahli Lembaga Pengarah : RM50,000.00

8.3.2 MOCCIS Nominees Sdn. Bhd. (setahun)

- a) Ahli Lembaga Pengarah : RM2,000.00 x 3 orang = RM6,000.00

8.3.3 MOCCIS Inn Sdn. Bhd. (setahun)

- a) Ahli Lembaga Pengarah : RM1,000.00 x 4 orang = RM4,000.00

8.3.4 MOCCIS Holdings Sdn. Bhd. (setahun)

- a) Ahli Lembaga Pengarah : RM1,000.00 x 3 orang = RM3,000.00

Mesyyuarat bersetuju Agenda 8: Menimbang dan meluluskan elaun kepada ALK dan JAD dan saraan kepada ALK yang dilantik sebagai Pengarah bagi subsidiari koperasi dan

elaun JAD yang dibentangkan atas cadangan Encik Bahrudin Bin Sulaiman (17893) dan disokong sebulat suara oleh MAPT.

AGENDA 9: MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA ORANG JURUAUDIT YANG DILULUSKAN OLEH SURUHANJAYA

- 9.1 Pengerusi Mesyuarat mencadangkan perkara tersebut diserahkan kepada ALK untuk membuat keputusan.

Mesyuarat menerima cadangan tersebut dan disokong sebulat suara oleh MAPT.

AGENDA 10: MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN KOPERASI RM100.0 JUTA

- 10.1 Pengerusi Mesyuarat membentangkan Agenda 10: Meluluskan Skop dan Had Pelaburan Koperasi RM100.0 juta.

Mesyuarat menerima Agenda 10: Meluluskan Skop dan Had Pelaburan Koperasi RM100.0 juta dengan cadangan oleh Puan Amera Sabrena Binti Ahmad Sobri (17756) dan disokong sebulat suara oleh MAPT.

AGENDA 11: MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN RM350.0 JUTA

- 11.1 Pengerusi Mesyuarat membentangkan Agenda 11: Menentukan Had Maksimum Keterhutangan RM350.0 juta.

Mesyuarat menerima Agenda 11: Menentukan Had Maksimum Keterhutangan RM350.0 juta dengan cadangan oleh Tuan Syed Hashim Bin Syed A Rahman (17762) dan disokong sebulat suara oleh MAPT.

AGENDA 12: MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA CADANGAN ATAU HAL URUSAN LAIN KOPERASI YANG BAGINYA SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI TELAH DIBERIKAN.

- 12.1 Pengerusi Mesyuarat membentangkan empat (4) usul daripada anggota perwakilan dan ALK iaitu;

- i. **Usul 1: Kawalan kos perbelanjaan melibatkan kes mahkamah dari ALK yang dahulu.**

Dikemukakan oleh : Puan Rosnal@Rosnah Binti Saman (10208)

MAPT ke-82 mempertimbangkan agar sekiranya terdapat kes mahkamah daripada ALK yang dahulu yang melibatkan kos kepada koperasi, perkara tersebut disemak semula samada wajar diteruskan atau tidak. Jika kes tersebut memberi impak kewangan besar kepada koperasi disarankan agar tidak diteruskan bagi tujuan penjimatan dan pengawalan perbelanjaan koperasi.

Pengerusi MOCCIS menyatakan bahawa bagi kes-kes seperti ini, beliau memohon anggota perwakilan memberi mandat kepada ALK untuk membuat keputusan.

Mesyuarat mengambil maklum dan menerima sebulat suara.

- ii. **Usul 2: Memohon kelulusan berkaitan pegangan saham/pelaburan dan pembayaran dividen oleh MOCCIS dan anak-anak syarikat.**

Dikemukakan oleh : ALK MOCCIS

- a) Kelulusan pembayaran dividen khas kepada pelabur-pelabur yang mempunyai simpanan saham/pelaburan khas yang diterbitkan oleh MOCCIS dan anak-anak syarikat berkuatkuasa dari tahun 2025. Pembayaran dan pengurusan dividen ini akan diuruskan dan dipantau sepenuhnya oleh bahagian pelaburan MOCCIS.
- b) Mengesahkan keputusan MAPT ke-82 berhubung saham/pelaburan MNSB dalam LMSB sebanyak 33% bernilai RM1.00 seunit. Mesyuarat bersetuju supaya pembayaran dividen kepada pelabur MNSB bagi tahun 2025 tidak melebihi 10%.
- c) Memohon kelulusan pembelian semula oleh MOCCIS saham-saham LMSB yang dipegang oleh bukan anggota MOCCIS pada harga RM1.00 seunit.

YBhg. Dato' Dr. Khalid Bin Ismail (17790) mencadangkan MOCCIS membeli semua saham/pelaburan MNSB daripada anggota. Pengerusi Mesyuarat juga menyatakan bahawa ALK perlu berbincang dengan SKM bagi usul tersebut.

Mesyuarat mengambil maklum dan menerima sebulat suara.

- iii. **Usul 3: Pembayaran Dividen bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024**

Dikemukakan oleh : ALK MOCCIS

ALK telah mengemukakan usul berhubung pembayaran dividen sebanyak 3% atas modal yuran anggota aktif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Pengerusi MOCCIS mencadangkan agar dividen diberikan kepada anggota yang aktif sebanyak 3% berjumlah RM741,618.81. Pengerusi Mesyuarat mencadangkan untuk menukar istilah dividen kepada saguhati kerana melibatkan akaun pembahagian keuntungan dalam perakaunan MOCCIS. Wakil SKM menyatakan bahawa dividen boleh ditukar menjadi saguhati dan perlu dinyatakan dalam belanjawan 2025.

Mesyuarat mengambil maklum dan menerima sebulat suara.

iv. **Usul 4: Penawaran Pelaburan Khas Kepada Anggota MOCCIS Bagi Tujuan Pemilikan Saham Bernilai RM10.0 juta di LMSB**

Dikemukakan oleh : ALK MOCCIS

Memohon kelulusan MAPT ke-82 berhubung pelaburan khas kepada anggota MOCCIS bagi pemilikan saham bernilai RM10.0 juta dengan harga RM1.00 seunit di LMSB dengan anggaran pulangan dividen sebanyak 5% hingga 10% setahun dan akan dibuka bermula 1 Januari 2026.

Walau bagaimanapun usul ini tidak dipersetujui oleh Bendahari MOCCIS iaitu YBhg. Dato' Abdul Aziz Bin Mat.

Mesyuarat mengambil maklum dan menerima sebulat suara.

AGENDA 13 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI

13.1 Tiada cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi

Mesyuarat mengambil maklum.

Pengerusi Mesyuarat telah menenangkan mesyuarat pada jam 12.15 tengah hari dengan ucapan terima kasih kepada semua ALK, anggota perwakilan dan para jemputan yang hadir bagi menjayakan MAPT ke-82 MOCCIS.

MAPT ke-82 mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi Mesyuarat. Tuan Syed Hashim Bin Syed A Rahman (17762) juga mengucapkan tahniah kepada ALK yang telah dilantik.

UCAPAN ALUAN DAN UCAPAN PERASMIAN PENUTUPAN MAPT KE-82

A. UCAPAN ALUAN YBHG. DATO' AHMAD SOBRI BIN WAN TEH, PENERUS MOCCIS.

MAPT ke-82 MOCCIS diakhiri dengan ucapan daripada YBhg. Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh, Pengerusi MOCCIS. Beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua anggota perwakilan yang hadir serta mengalu-alukan kehadiran YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie Bin Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), yang sudi merasmikan Majlis Penutupan MAPT ke-82 MOCCIS. Beliau menzahirkan rasa bangga dan berterima kasih kerana ini merupakan kali pertama dalam tempoh 30 tahun, KSU kementerian hadir bagi merasmikan Majlis Penutupan MAPT, menjadikannya satu detik istimewa dalam sejarah MOCCIS.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Tuan Azizul Bin Alias, Setiausaha Bahagian Pembangunan Koperasi KUSKOP, Tuan Haji Efendee O. P. Andu, Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia) SKM, Tuan Mohd Fadzli Bin Mat Lahim, Timbalan Pengarah SKM Cawangan Wilayah Persekutuan serta semua tetamu jemputan yang telah memeriahkan majlis. Beliau juga menyampaikan ucapan terima kasih kepada pihak KUSKOP dan turut mendoakan kesejahteraan

dan kejayaan berterusan kepada YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie Bin Daud dan seluruh warga KUSKOP dalam memperkasa gerakan koperasi di Malaysia. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada YBhg. Dato' Sri atas ulang tahun pertama pelantikan beliau sebagai KSU KUSKOP. Beliau menzahirkan harapan agar hubungan baik antara MOCCIS dan KUSKOP akan terus diperkukuh bagi menjayakan pembangunan koperasi negara.

Barisan ALK (YBhg. Dato' Aziz Bin Mat, YBhg. Dato' Haji Azizan Bin Noordin, Encik Kamal Effendi Bin Mohd Arif dan YBhg. Dato' Haji Azhar Bin Husin), barisan JAD (Encik Hashim Baktiar Bin Amir Shaharudin, Prof. Dr. Ibrahim Kamal Bin Abdul Rahman dan Tuan Syed Hashim Bin Syed A Rahman) dan Encik Zahari Bin Omar, Mantan Pengarah SKM Wilayah sebagai Penasihat MOCCIS turut diperkenalkan kepada YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie Bin Daud dan tetamu jemputan. Pengerusi MOCCIS seterusnya memperkenalkan YBhg. Dato' Mior Faridalathrash Bin Wahid, Mantan Ketua Polis Perak dan kini sebagai Ahli Lembaga Pengarah (ALP) LMSB serta Pengerusi Jawantankuasa Perundangan MOCCIS, YBhg. Dato' Dr. Khalid Bin Ismail, Orang Besar Jajahan Bagan Datuk, YBhg. Dato' Meor Redwan Bin Mahayudin, Orang Besar Jajahan Hilir Perak, YBhg. Dato' Haji Azizan Bin Noordin, Mantan Timbalan Ketua Pengarah Pelancongan dan YBhg. Dato' Haji Azhar Bin Husin, Ketua Bahagian Siasatan LHDN. Beliau menegaskan bahawa gabungan kepakaran dan pengalaman pelbagai latar belakang dalam ALK MOCCIS akan terus menjadi kekuatan utama dalam memacu kejayaan koperasi pada masa akan datang.

Beliau memaklumkan bahawa MOCCIS kini sedang melaksanakan beberapa inisiatif strategik, termasuk Projek Ladang Buah Naga di LMSB, yang dijangka menjadi sumber pendapatan baharu menjelang tahun 2027. LMSB akan menandatangani MoU bersama GLS Wholesale Sdn. Bhd. mengenai Projek Buah Naga. Penanaman buah naga akan menghasilkan pendapatan dalam tempoh enam (6) ke tujuh (7) bulan sahaja. Selain itu, MOCCIS juga telah menerima kelulusan daripada KUSKOP untuk menjalankan sendiri aktiviti Ar-Rahnu dan merancang untuk membuka sebanyak 20 cawangan Ar-Rahnu di sekitar Kuala Lumpur, bagi memperluaskan perkhidmatan kepada anggota serta masyarakat setempat. Dana pembukaan 20 cawangan Ar-Rahnu akan disediakan oleh pihak MOCCIS tanpa pinjaman dari Institusi Kewangan luar mahupun Tabung Modal Pusingan (TMP-SKM).

Pengerusi MOCCIS turut menzahirkan penghargaan kepada pegawai-pegawai kanan KUSKOP dan SKM yang banyak membantu MOCCIS termasuk Tuan Azizul Bin Alias, Setiausaha Bahagian Pembangunan Koperasi, Tuan Haji Efendee O. P. Andu, Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia) serta Encik Zahari Bin Omar selaku penasihat MOCCIS dan mantan Pengarah SKM Wilayah Persekutuan, atas sumbangan dan panduan berterusan mereka.

Beliau memaklumkan bahawa hutang Kerajaan berjumlah RM133.90 juta (pokok, faedah dan penalti) telah dikurangkan kepada RM93.50 juta melalui surat rasmi yang diterima daripada Kementerian Kewangan (MOF) kepada MOCCIS pada tahun 2025. Beliau menjelaskan bahawa hutang TMP-SKM berjumlah RM10.0 juta dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) berjumlah RM60.0 juta telah diselesaikan lebih awal daripada jadual asal, menandakan kedudukan kewangan MOCCIS kini berada pada tahap yang lebih baik dan stabil. Beliau juga memberitahu hampir 30 tahun MOCCIS tidak dapat memberikan dividen kepada anggota. Melalui MAPT ke-82, MOCCIS memohon kelulusan kepada SKM untuk memberi saguhati sebanyak 3% kepada semua anggota yang aktif sebagai tanda penghargaan. MOCCIS kini memiliki dua (2) aset utama, iaitu Dē MOCCIS Boutique Hotel, Kuala Lumpur dan Dē MOCCIS Lake Resort di Teluk Intan, Perak yang telah dirasmikan pada tahun 2024 oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Pengerusi MOCCIS mengakhiri ucapan dengan menyeru semua anggota untuk terus bersatu padu, berdisiplin dan berpegang kepada landasan yang ditetapkan oleh KUSKOP, serta mendoakan agar

YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie Bin Daud, warga KUSKOP, SKM dan seluruh anggota MOCCIS terus diberikan kekuatan, kesihatan dan kejayaan dalam memartabatkan gerakan koperasi negara.

Beliau menutup ucapan dengan lafaz "Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh."

B. UCAPAN PERASMIAN PENUTUP MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KE-82 MOCCIS OLEH YBHG. DATO' SRI KHAIRUL DZAIMIE BIN DAUD, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP).

YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie Bin Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) memulakan ucapan dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim* dan *Alhamdulillah* rabbil 'alamin, serta mengucapkan salam hormat kepada semua yang hadir termasuk YBhg. Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh, Pengerusi MOCCIS, barisan ALK, pegawai-pegawai SKM, wakil-wakil kementerian serta para hadirin sekalian.

Beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada MOCCIS atas jemputan untuk merasmikan Majlis Penutupan MAPT ke-82 dan menzahirkan penghargaan kepada urus setia yang telah berjaya menganjurkan majlis tersebut dengan jayanya.

Dalam ucapan beliau, dinyatakan bahawa MOCCIS kini telah berusia 91 tahun, mesyuarat kali ini merupakan MAPT ke-82, dengan jumlah aset terkumpul sebanyak RM90.0 juta serta modal syer dan yuran sebanyak RM26.0 juta. Beliau menzahirkan rasa kagum terhadap daya ketahanan MOCCIS yang diibaratkan seperti lagu YBhg. Dato' Dr. Haji Mohamad Nasir Bin Mohamed (M. Nasir) "Phoenix Bangkit Dari Abu" yang pernah melalui pelbagai cabaran namun tetap mampu bangkit semula. Beliau berharap semangat burung *phoenix* ini menjadi motivasi kepada Pengerusi dan ALK MOCCIS serta anggota MOCCIS.

Beliau turut menekankan kepentingan perpaduan dan kesepakatan dalam kalangan ALK dan anggota, menyeru agar semua pihak memberikan sokongan dan sumbangan idea tanpa sebarang pertikaian atau perpecahan dalaman, demi memastikan MOCCIS kembali berada di puncak kecemerlangan seperti dahulu. MOCCIS amat sentimental dan dekat di hati kerana bapa beliau dahulu merupakan penjawat awam walaupun bukan anggota MOCCIS. Beliau menyeru agar MOCCIS bangkit semula, menebus kegemilangan yang pernah dikecapi dahulu. Menurutnya tiada sebab MOCCIS tidak boleh kembali menjadi antara koperasi teratas, bukan sahaja dalam kelompok 100 koperasi terbaik di Malaysia, tetapi layak berada dalam kelompok 10 koperasi terbaik Malaysia, berdasarkan pengalaman dan keupayaan MOCCIS.

Sepanjang berkhidmat di Kementerian Dalam Negeri (KDN), beliau sentiasa menyokong usaha memperkukuh gerakan koperasi dan akan memberi sokongan yang diperlukan oleh MOCCIS dan sedia dihubungi pada bila-bila masa jika terdapat sebarang isu yang memerlukan bantuan.

Beliau turut berkongsi perkembangan terkini sektor koperasi di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), di mana gerakan koperasi diiktiraf sebagai *the third force of economic development* (kuasa ketiga dalam pembangunan ekonomi negara) dan menggalakkan MOCCIS merebut peluang-peluang yang akan diwujudkan di bawah dasar tersebut.

Selain itu, beliau memaklumkan bahawa kerajaan melalui KUSKOP sedang dalam proses menggubal Akta Koperasi baharu bagi menggantikan Akta Koperasi 1993. Jangkaan pembentangan Akta Koperasi baharu di Parlimen pada Disember 2025 bakal memberi lebih banyak fleksibiliti kepada

koperasi untuk menjalankan pelaburan serta menubuhkan anak syarikat di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Akta Koperasi baharu ini memberi ruang yang lebih luas kepada koperasi untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan pelaburan termasuk melabur di Bursa Malaysia, tertakluk kepada pematuhan garis panduan yang ditetapkan oleh SKM. Beliau yakin langkah ini akan menjadi *game changer* kepada gerakan koperasi di Malaysia, sejajar dengan tuntutan ekonomi dan teknologi masa kini.

Beliau juga memaklumkan bahawa Dasar Koperasi Negara yang baharu di bawah RMK13, menetapkan sasaran agar sektor koperasi mencapai perolehan RM100.0 bilion menjelang tahun 2030, berbanding RM68.0 bilion pada masa ini. Beliau menzahirkan keyakinan bahawa sasaran ini boleh dicapai dengan komitmen dan kesungguhan semua koperasi termasuk MOCCIS.

Sebelum mengakhiri ucapan, beliau mengucapkan tahniah kepada MOCCIS kerana masih kukuh selepas 91 tahun penubuhannya dan berjaya menganjurkan MAPT ke-82 dengan cemerlang. Beliau turut memuji langkah pemberian saguhati 3% kepada anggota sebagai satu permulaan positif selepas sekian lama tanpa pemberian dan percaya ia akan menjadi titik tolak kepada kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.

Akhir sekali, beliau mendoakan agar kepimpinan MOCCIS sentiasa diberikan hidayah, perlindungan dan kekuatan dalam meneruskan tanggungjawab memimpin koperasi mengikut undang-undang serta melaksanakan visi dan misi yang telah ditetapkan.

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, beliau merasmikan Majlis Penutup MAPT ke-82 MOCCIS.

Sekian, terima kasih.

C. MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU)

- 1) Majlis diteruskan dengan sesi menandatangani MoU antara MOCCIS dan WAIX Technologies Sdn. Bhd. MOCCIS diwakili oleh YBhg. Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh, Pengerusi MOCCIS dan YBhg. Dato' Haji Azizan Bin Noordin, Setiausaha MOCCIS. WAIX Technologies Sdn. Bhd. diwakili oleh Mr. Thean Kai Sheung, Ketua Pegawai Eksekutif dan Encik Akil Bin Mohd Tahir, Pengarah Urusan WAIX Technologies Sdn. Bhd.

Memorandum ini bertujuan menambahbaik maklumat dan perkhidmatan koperasi bagi pemasaran perisian menggunakan teknologi *Artificial Intelligence* (AI) melalui pasaran koperasi.

- 2) Sesi menandatangani MoU kedua pula di antara MOCCIS dan Pro X Protection Sdn. Bhd. MOCCIS diwakili oleh YBhg. Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh, Pengerusi MOCCIS dan YBhg. Dato' Haji Azizan Bin Noordin, Setiausaha MOCCIS. Pro X Protection Sdn. Bhd. diwakili oleh Sir Andrew Sia, Pengarah Eksekutif dan Encik Shah Darma Amanti Bin Baharuddin, Pengurus Operasi Pro X Protection Sdn. Bhd.

Memorandum ini bertujuan untuk menjadikan Pro X Protection Sdn. Bhd. sebagai rakan strategik keselamatan.

- 3) Sesi menandatangani MoU terakhir pula di antara LMSB dan GLS Wholesale Sdn. Bhd. LMSB diwakili oleh YBhg. Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh, Pengerusi Eksekutif LMSB dan YBhg. Dato'

Abdul Aziz Bin Mat, Ahli Lembaga Pengarah LMSB. GLS Wholesale Sdn. Bhd. diwakili oleh Mr. John Goo dan Mr. Weisen Goo, Pengarah GLS Wholesale Sdn. Bhd.

Memorandum ini bertujuan untuk projek kerjasama penanaman buah naga bagi menggantikan sebahagian kawasan pokok kelapa sawit yang akan ditanam semula di Ladang MOCCIS Sdn. Bhd.







Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:



DATO' HAJI AZIZAN BIN NOORDIN
Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu
Malaysia Berhad (MOCCIS)

Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-82 Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad (MOCCIS) yang diadakan pada hari Khamis, 25 September 2025, jam 9.00 pagi di Bilik Taming Sari 1, Mezzanine Floor, Dē MOCCIS Boutique Hotel, 260G, Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur disemak dan ditentukan betul oleh Jawatankuasa Menentukan Minit pada mesyuarat ke-1 yang diadakan pada hari 23 Oktober 2025 (Khamis), jam 11.00 pagi bertempat di Bilik Taming Sari 1, Mezzanine Floor, Dē MOCCIS Boutique Hotel, 260G, Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur.

Bil.	Nama	No. Anggota	Tandatangan
1.	YBhg. Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh Pengerusi MOCCIS	8080	
2.	YBhg. Dato' Haji Azizan Bin Noordin Setiausaha MOCCIS	17763	
3.	YBhg. Dato' Abdul Aziz Bin Mat Bendahari MOCCIS	6067	
4.	Encik Kamal Effendi Bin Mohd Arif Anggota Lembaga	14793	
5.	YBhg. Dato' Dr. Khalid Bin Ismail Anggota	17790	
6.	YBhg. Dato' Meor Redwan Bin Mahayudin Anggota	17782	Tidak Hadir
7.	Datin Mardhiah Bte Md Zin Anggota	17781	
8.	Puan Rosnal @ Rosnah Bte Saman Anggota	10208	
9.	Encik Bahruddin Bin Sulaiman Anggota	17893	
10.	Encik Nordin Sam Bin Zainal Anggota	8118	

AGENDA 3

**MELANTIK SUATU JAWATANKUASA
TERDIRI DARIPADA ENAM ORANG
PERWAKILAN DAN EMPAT ORANG
ANGGOTA LEMBAGA UNTUK
MENENTUSAHKAN DERAJ MINIT
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
TAHUNAN KE-83**

AGENDA 4.1

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI TAHUN 2025/2026

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Kepada:

ANGGOTA-ANGGOTA, KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI MELAYU MALAYSIA BERHAD (MOCCIS)

Sukacitanya dibentangkan Laporan Persidangan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-83 dan Penyata Kira-kira Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad (MOCCIS) bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2023, 2024 dan 2025.

2. ANGGOTA LEMBAGA

Anggota Lembaga bagi tahun 2025/2026 adalah seperti berikut: -

Pengerusi	:	YBhg. Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh
Setiausaha	:	YBhg. Dato' Hj. Azizan Bin Noordin
Bendahari	:	YBhg. Dato' Abdul Aziz Bin Mat
Anggota Lembaga	:	YBhg. Dato' Azhar Bin Husin Encik Kamal Effendi Bin Mohd Arif

Mengikut Undang-Undang Kecil 37(1) menyatakan bahawa satu pertiga daripada anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat tahunan. Oleh itu, manamana satu pertiga atau dua (2) orang anggota Lembaga perlu mengosongkan jawatan.

Pada tahun 2025/2026, Anggota Lembaga Koperasi mengekalkan Encik Zahari bin Omar, mantan Pengarah SKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai Penasihat. Beliau hanya menerima elaun mesyuarat sama seperti ALK yang lain.

Untuk memperkasakan keberkesanan pentadbiran MOCCIS, empat (4) jawatankuasa kerja dikekalkan bagi tahun 2025/2026. Jawatankuasa itu adalah seperti berikut: -

- I. **Jawatankuasa Pentadbiran dan Keanggotaan**
 - a. Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh (Pengerusi)
 - b. Dato' Hj. Azizan Bin Noordin
 - c. Encik Zahari Bin Omar
- II. **Jawatankuasa Kewangan, Perniagaan dan Pengurusan Kredit**
 - a. Dato' Abdul Aziz Bin Mat (Pengerusi)
 - b. Encik Kamal Effendi Bin Mohd Arif
 - c. Dato' Azhar Bin Husin
 - d. Encik Zahari Bin Omar
- III. **Jawatankuasa Pemasaran dan Promosi**
 - a. Dato' Hj. Azizan Bin Noordin (Pengerusi)
 - b. Encik Bahruddin Bin Sulaiman
 - c. Puan Amara Sabrena Binti Ahmad Sobri

IV. Jawatankuasa Perundangan dan Due Diligence

- a. Dato' Pahlawan Mior Faridalathrash Bin Wahid (Pengerusi)
- b. Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh
- c. Dato' Abdul Aziz Bin Mat
- d. Encik Zahari Bin Omar

3. ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI

Berikut adalah statistik jumlah anggota dari tahun 2021 hingga 2025.



GRAF 1: STATISTIK JUMLAH ANGGOTA DARI TAHUN 2021-2025


BIL	JULAT UMUR (tahun)	JUMLAH (orang)	(%)	YURAN (RM)
1	20-30	19	0.37	15,608.00
2	31-40	458	8.84	810,571.52
3	41-50	1389	26.81	3,135,854.13
4	51-60	1380	26.64	4,090,032.05
5	61-70	957	18.47	5,308,151.26
6	71-80	809	15.62	8,398,015.07
7	81 >	168	3.24	2,714,757.56
JUMLAH ANGGOTA		5180		24,472,989.59

JADUAL 1: SENARAI ANGGOTA MENGIKUT JULAT UMUR PADA DISEMBER 2025

4. SYER, YURAN DAN SYER BONUS

Jadual 2 di bawah menunjukkan statistik Kumpulan Wang Anggota, syer, yuran dan syer bonus dari tahun 2021 hingga tahun 2025.

JADUAL 2: KUMPULAN WANG ANGGOTA, SYER, YURAN DAN SYER BONUS DARI TAHUN 2021-2025 (RM JUTA)					
TAHUN	2021	2022	2023	2024	2025
Kumpulan Wang Anggota	-110.873	-131.413	-136.131	-149.499	-148.560
Syer	0.469	0.365	0.360	0.314	0.286
Yuran	38.856	26.569	26.613	23.735	24.493
Syer Bonus	18.81	13.22	13.22	11.87	11.87
Jumlah	58.135	40.154	40.193	35.920	36.650



GRAF 2: KUMPULAN WANG ANGGOTA, SYER, YURAN DAN SYER BONUS

5. AKTIVITI UTAMA MOCCIS

5.1 Pembiayaan Al-Aslah

Aktiviti utama MOCCIS adalah pembiayaan Al-Aslah yang permohonannya diterima daripada anggota. Berikut adalah statistik pembiayaan tersebut dari tahun 2021 hingga 2025.

JADUAL 3: PEMBIAYAAN AL-ASLAH

Tahun	Pembiayaan Al-Aslah RM
2020	143,200.00
2021	233,000.00
2022	1,467,700.00
2023	1,442,000.00
2024	116,400.00
2025	66,200.00

6. TANAMAN MODAL/PELABURAN SAHAM

Pada tahun 2023 hingga 2025, MOCCIS telah membeli saham di Koperasi Co-opbank Pertama berjumlah RM2,000,000.00.

7. SIMPANAN KHAS CARUMAN


Sehingga akhir tahun 2025, MOCCIS juga menerima Simpanan Khas terkumpul sebanyak RM507,395.00 berbanding RM542,973.00 pada tahun 2024. Simpanan Khas ini adalah skim simpanan yang telah dilaksanakan oleh MOCCIS tetapi kurang mendapat sambutan.

Oleh kerana simpanan ini boleh dikeluarkan pada bila-bila masa tanpa sebarang notis dan had, anggota MOCCIS adalah digalakkan menabung melalui skim simpanan ini.

8. PRESTASI KEWANGAN 2024 DAN 2025

Prestasi kewangan MOCCIS dalam tahun 2025 menunjukkan peningkatan dengan rekod pendapatan operasi sebanyak RM3,975,346.81 berbanding RM3,877,228.95 pada tahun 2024. Peningkatan adalah disebabkan kesungguhan MOCCIS meningkatkan kutipan NPL dan perniagaan yang lain.

Selepas mengambil kira peruntukan hutang lapuk, keuntungan bersih yang dicatat ialah sebanyak RM944,518.24 tahun 2025 berbanding kerugian bersih RM973,955.47 pada tahun 2024. Keuntungan bersih dicatatkan kerana tiada lagi peningkatan faedah tertunggak dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) setelah MOF memberikan tawaran baru perjanjian penstrukturan semula pada tahun 2025.



GRAF 3: STATISTIK PRESTASI KEWANGAN MOCCIS

JADUAL 4: MAKLUMAT KEWANGAN UTAMA (RM JUTA)

	2021	2022	2023	2024	2025
Pendapatan	8.21	8.29	7.38	3.87	3.97
Perbelanjaan	10.91	12.44	12.72	4.85	3.03
Keuntungan/(Kerugian Operasi)	-2.69	-4.14	-5.34	-0.97	0.94
Untung/(Rugi) Selepas Peruntukan Hutang Ragu	-2.69	-4.14	-5.34	-0.97	0.94
Jumlah Aset	93.74	92.19	95.83	74.01	71.59
Jumlah Liabiliti	199.18	201.78	209.81	196.69	157.05
Kumpulan Wang Anggota	-127.59	-131.74	-136.13	-149.49	-148.56
Dana Pemegang Saham	26.76	26.94	26.98	25.08	25.79
Pinjaman Jangka Panjang	93.93	91.48	90.51	80.48	93.06
Pendapatan Sesaham (EPS)(Sen)	-0.10	-0.15	-0.19	-0.03	0.04
Aset Ketara Bersih Sesaham (NTA)	-3.94	-4.07	-4.23	-4.89	-3.31
Nisbah Kecairan	0.45	0.38	0.36	0.20	0.36

9. KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

Sehingga akhir 2025, Kumpulan Wang Rizab adalah kekal sebanyak RM22,150,138.18 sama seperti akhir tahun 2024.

Kumpulan Wang Rizab Statutori ini ditetapkan dalam Akta Koperasi 1993, yang boleh digunakan bagi tujuan membayar kos pembubaran dan menyelesaikan tanggungan semasa dan lain-lain yang telah ditetapkan oleh Akta.

10. PRESTASI PELABURAN, BANGUNAN / HARTANAH, DAN JUGA ANAK SYARIKAT

10.1 Pelaburan, Bangunan / Hartanah

a. Pelaburan

Sehingga akhir tahun 2018, MOCCIS telah menjual semua saham tersiarharga di Bursa Malaysia kecuali saham Tap Resources Berhad sebanyak 3,000,000 unit dan Evermaster Group Berhad sebanyak 1,266,200 unit. Jumlah kos pelaburan untuk saham-saham ini adalah sebanyak RM17,955,720. Saham-saham ini tidak dapat dijual disebabkan harga saham tersebut terlalu rendah berbanding dengan kos pembeliannya yang menyebabkan MOCCIS akan menanggung kerugian. Di samping itu, saham Tap Resources Berhad dan Evermaster Group Berhad telah terkeluar daripada senarai Bursa Malaysia.

b. Bangunan/Hartanah

i. Wisma MOCCIS

(No. 26 & 27, Jalan Jelatek 2, Pusat Perniagaan Jelatek, Taman Keramat Permai, 54200 Kuala Lumpur)

Bangunan ini merupakan 2 lot berkembar bangunan 4 tingkat dengan lif yang mempunyai keseluruhan keluasan lantai berjumlah 14,400 kps, telah dibeli pada bulan Julai 2010 dengan harga RM5,050,000. Bangunan ini merupakan ibu pejabat dan pusat pentadbiran operasi MOCCIS. Kawasan ini mempunyai nilai pasaran yang baik oleh itu unit di tingkat bawah iaitu 27-G telah disewakan kepada Happykat Sdn. Bhd. dengan kadar RM66,000 setahun (RM5,500 sebulan).

**ii. Bangunan De MOCCIS Boutique Hotel
(No. 260G, Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur)
(Tanah Pegangan Bebas)**

Bangunan 4 1/2 tingkat yang mempunyai keluasan lantai 19,886 k.p. dan keluasan tanah 4,779 k.p. telah dibeli pada tahun 1992 dengan harga RM1.80 juta. Pada tahun 1998, bangunan ini telah diubahsuai kepada hotel bajet yang mempunyai 51 buah bilik tetamu. Ia juga dilengkapi dengan sebuah bilik seminar anggaran 60 pek dan ruang dapur serta kafe menjadikan kos bangunan kepada RM8.13 juta, manakala nilai pasaran pada tahun 2014 ialah RM11.0 juta. Pada penghujung 2021 bangunan hotel tersebut telah diubahsuai semula dengan anggaran kos sekitar RM6.0 juta untuk MOCCIS menjalankan perniagaan hotel yang telah beroperasi pada September 2022 sehingga kini.

iii. Kondominium di Manila, Filipina

MOCCIS mempunyai bilik hotel sebanyak 6 unit kondominium di Oxford Suites, Manila, Filipina. Melalui program penyewaan bilik hotel, MOCCIS memperoleh pendapatan purata sebanyak RM8,500 sebulan. Walau bagaimanapun menjelang tahun 2019 syarikat pengurusan bangunan ini menghadapi masalah yang berlarutan menyebabkan pendapatan sewaan terganggu hingga kini. ALK MOCCIS juga telah memutuskan untuk melepaskan pegangan ke atas hartanah ini dan sehingga kini masih dalam proses untuk mendapatkan pembeli. Pengerusi, bersama seorang ALK, dan CEO MOCCIS telah pergi ke Manila pada 9 Februari 2026 telah mengadakan pertemuan dengan beberapa pihak yang berkenaan untuk mencari penyelesaian bagi perkara tersebut.

iv. Servis Kondominium Sri Tijanni, Sg Buloh, Selangor

MOCCIS telah membeli satu unit kondominium Seri Tijanni beralamat di 12-03, Jalan Tijanni 1, Off Jalan BRP 2, Bukit Rahman Putra, Sg Buloh pada tahun 2017 dengan harga RM565,000 untuk tujuan pendapatan sewaan. Melalui perjanjian tambahan dengan Golden Amani Sdn Bhd, Pengurusan penuh kondominium ini adalah oleh syarikat tersebut dengan hasil sebanyak RM43,200 setahun. Bagaimanapun syarikat telah menyerahkan kembali pengurusan hartanah ini kepada MOCCIS apabila suasana pasaran hartanah yang tidak menentu akibat pandemik Covid 19. Penyewa di unit berkenaan telah berpindah dan usaha untuk mendapatkan penyewa baru sedang dijalankan.

v. Bangunan rumah kedai Puncak Alam

Bangunan lot kedai 2 tingkat beralamat di: No. 29, Jln Niaga Bestari 3, Puncak Bistari, 42300 Puncak Alam, telah dibeli oleh MOCCIS pada 28/01/2020. Tingkat bawah premis ini telah disewakan kepada Sekatarakyat yang mengambilalih perniagaan Ar-Rahnu MOCCIS pada kadar RM3,500 sebulan. Sebelum ini tingkat atas telah disewa pada kadar RM1,100 sebulan. Walau bagaimanapun, penyewa sedia ada telah berpindah keluar dan usaha mendapatkan penyewa baru sedang dijalankan.

10.2 Anak Syarikat

i) Ladang MOCCIS Sdn. Bhd. (100%)

MOCCIS memiliki saham Ladang MOCCIS Sdn. Bhd. (LMSB) sebanyak 65% manakala baki lagi sebanyak 35% dimiliki oleh anggota MOCCIS melalui MOCCIS Nominees Sdn. Bhd.

Ladang MOCCIS Sdn. Bhd. di dalam tahun 2025 telah menghasilkan pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) berjumlah **24,387.75** metrik tan, dibanding dengan **24,641.62** metrik tan pada tahun 2024, menunjukkan penurunan sebanyak **253.87** metrik tan bersamaan **1.03%**.

Pendapatan jualan (perolehan) BTS meningkat kepada **RM22,491,633.56** dalam tahun 2025 berbanding dengan **RM21,791,307.56** pada tahun 2024 iaitu peningkatan sebanyak **3.21%**. Peningkatan tersebut disebabkan harga purata tahunan BTS yang meningkat dari **RM884.33** setan metrik dalam tahun 2024 kepada **RM922.25** setan metrik dalam tahun 2025.

Setelah ditolak kos operasi dan pentadbiran, LMSB mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah **RM6,868,844.64** dalam tahun 2025 berbanding **RM6,073,004.34** dalam tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 6.00%. Sehingga akhir tahun 2025, jumlah keuntungan terkumpul LMSB meningkat kepada RM21,571,200.00 berbanding RM21,404,569.00 pada akhir tahun 2024 iaitu peningkatan sebanyak 0.78%. LMSB juga telah membuat bayaran dividen 10% untuk tahun 2025.

Dengan tataurus yang baik, berkesan dan amanah, kedudukan kewangan LMSB berterusan kukuh. LMSB telah berjaya membayar dividen setiap tahun kepada MOCCIS pada kadar yang sangat tinggi. Kejayaan ini amat membanggakan hasil dari urustadbir syarikat yang baik oleh Pengurusan dan Lembaga Pengarah LMSB.

Prestasi syarikat ini untuk lima tahun yang lepas adalah seperti berikut:-

JADUAL 7: KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI LADANG MOCCIS SDN BHD BAGI TAHUN 2017-2025

Tahun	Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai (RM)	Peningkatan / (Penurunan) %
2017	12,398,138.00	50.86
2018	5,229,826.00	(57.82)
2019	4,174,507.00	(20.18)
2020	4,425,367.00	6.00
2021	14,516,676.00	228.03
2022	8,600,905.00	-40.75
2023	4,898,253.38	-43.05
2024	6,073,004.00	23.98
2025	6,868,844.64	13.10

JADUAL 8: PEMBAYARAN DIVIDEN BAGI TAHUN 2017-2025

Tahun	Jumlah Saham (Unit)	Kadar Dividen	Dividen Kasar diterima MOCCIS (RM)	Dividen Kasar diterima MOCCIS NOMINEES SDN. BHD. (RM)	Jumlah Keseluruhan Dividen (RM)
2017	10,000,006	50%	3,155,023.00	1,844,980.00	5,000,003.00
2018	10,000,006	40%	2,524,018.00	1,475,984.40	4,000,002.40
2019	10,000,006	45%	2,839,520.70	1,660,482.00	4,500,002.70
2020	10,000,006	60%	3,824,972.69	2,175,030.91	6,000,003.60
2021	10,000,006	40%	2,556,129.00	1,443,873.40	4,000,002.40
2022	10,000,006	35%	2,279,072.90	1,220,929.20	3,500,002.10
2023	10,000,006	30%	1,987,869.20	1,012,132.60	3,000,001.80
2024	10,000,006	20%	1,344,453.59	655,546.71	2,000,000.30
2025	10,000,006	10%	669,999.80	330,000.20	1,000,000.00

Ahli Lembaga Pengarah syarikat ini yang mewakili MOCCIS ialah:

- Dato' Ahmad Sobri bin Wan Teh (Pengerusi & Pengerusi Eksekutif)
- Dato' Abdul Aziz Bin Mat
- Dato' Pahlawan Mior Faridalatrash Bin Wahid
- En. Zahari bin Omar

ii) MOCCIS Nominees Sdn. Bhd. (100%)

MOCCIS Nominees Sdn. Bhd. (MNSB) ditubuhkan pada 26 November 1977 bagi mengambil alih pentadbiran dan pengurusan pelaburan anggota MOCCIS di dalam Ladang MOCCIS Sdn.Bhd. (LMSB). Modal dibenarkan MNSB adalah sebanyak RM25,000.00 dan modal berbayar pula adalah sebanyak RM2.00. MNSB telah pun menguruskan pembayaran dividen bagi anggota yang memegang saham LMSB untuk tahun 2021 hingga 2025 dengan kadar seperti berikut: -

JADUAL 7: PEMBAYARAN DIVIDEN KEPADA ANGGOTA MOCCIS PEMEGANG SAHAM LMSB

Tahun	Kadar Dividen LMSB	Jumlah Kasar Dividen LMSB (RM)
2021	41%	1,357,088.00
2022	34.6%	1,135,025.00
2023	30%	990,000.40
2024	20%	655,546.71
2025	10%	320,000.00

Ahli Lembaga Pengarah syarikat ini ialah:

- a) Encik Kamal Effendi Bin Mohd Arif (Pengerusi)
- b) Dato' Azhar Bin Husin

iii) MOCCIS Properties Sdn. Bhd. (100%)

Syarikat milik penuh MOCCIS dengan modal berbayar sebanyak RM500,002.00 dan modal dibenarkan sebanyak RM1,000,000.00.

Ahli Lembaga Pengarah syarikat ini ialah:

- a) Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh (Pengerusi)
- b) Encik Kamal Effendi Bin Mohd Arif

iv) MOCCIS Holdings Sdn. Bhd. (100%)

MOCCIS Holdings Sdn. Bhd. (MHSB) merupakan anak syarikat pegangan (subsidiari) MOCCIS untuk beberapa projek pelaburan dengan modal berbayar sebanyak RM4,114,002.00 dan modal dibenar sebanyak RM200.0 juta. Syarikat tersebut telah diaktifkan kembali oleh Anggota Lembaga MOCCIS bermula pada tahun 2022 dengan menjalankan perniagaan jual beli barang kemas yang dinamakan MOCCIS Jewels.

Ahli Lembaga Pengarah syarikat ini ialah:

- a) Dato' Azhar Bin Husin (Pengerusi)
- b) Encik Kamal Effendi Bin Mohd Arif

v) MOCCIS Inn Sdn. Bhd. (100%)

Syarikat milik penuh MOCCIS dengan modal berbayar sebanyak RM1,835,003.00 dan modal dibenarkan sebanyak RM5,000,000.00 merupakan anak syarikat dan telah diaktifkan kembali oleh Anggota Lembaga MOCCIS bermula pada tahun 2022. MOCCIS Inn Sdn. Bhd. bertanggungjawab membangunkan semula bangunan hotel MOCCIS di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Bangunan hotel MOCCIS telah diberi nama baru iaitu Dē MOCCIS Boutique Hotel dan telah beroperasi sepenuhnya pada bulan September 2022.


Ahli Lembaga Pengarah syarikat ini ialah:

- a) Dato' Abd Aziz Bin Mat (Pengerusi)
- b) Dato' Hj. Azizan Bin Noordin
- c) Encik Zahari Bin Omar
- d) Encik Bahrudin Bin Sulaiman

Pengurusan hotel terdiri daripada seorang Pengurus dan dibantu oleh Eksekutif bagi Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Pemasaran dan Operasi, Jabatan Penyediaan Makanan, Restoran dan Bankuet serta kakitangan sokongan yang lain. Walau bagaimanapun ianya akan turut dipantau oleh ALP MISB dan Pengurusan Tertinggi MOCCIS.

JADUAL 8: PRESTASI SEMASA HOTEL BAGI TAHUN 2024

BIL	BULAN	2025	BAJET BULANAN	% PENCAPAIAN
1	Jan-25	RM43,872.15	RM150,000.00	29%
2	Feb-25	RM144,259.49	RM150,000.00	96%
3	Mac25	RM51,411.95	RM150,000.00	34%
4	Apr-25	RM30,565.87	RM150,000.00	20%
5	Mei25	RM84,031.03	RM150,000.00	56%
6	Jun-25	RM63,516.74	RM150,000.00	42%
7	Jul-25	RM98,607.08	RM150,000.00	66%
8	Aug-25	RM98,368.49	RM150,000.00	66%
9	Sep-25	RM71,074.23	RM150,000.00	47%
10	Oct-25	RM68,319.69	RM150,000.00	46%
11	Nov-25	RM101,287.52	RM150,000.00	68%
12	Dis-25	RM107,431.25	RM150,000.00	72%
	JUMLAH	RM962,745.49	RM1,800,000.00	53%



GRAF 4: PERBANDINGAN PENDAPATAN DE MOCCIS BOUTIQUE HOTEL KUALA LUMPUR TAHUN 2025

11. PROSPEK BAGI TAHUN 2025/2026

Bagi tahun 2025, MOCCIS masih mengekalkan perniagaan sedia ada di samping mengkaji untuk menceburi peluang-peluang perniagaan baharu bagi menjana pendapatan tambahan.

Perniagaan-perniagaan sedia ada yang dikekalkan adalah seperti berikut: -

1. Skim pembiayaan Al-Aslah
2. SPBK dan SPBK Hosting
3. Insurans takaful
4. De MOCCIS Boutique Hotel
5. Perladangan kelapa sawit

6. Dē MOCCIS Lake Resort
7. Penternakan
8. Tanaman buah-buahan
9. Tapak semaian
10. Dewan serbaguna dan rumah kelab

Perniagaan-perniagaan sedia ada diteruskan seperti biasa dengan beberapa penambahbaikan dibuat seperti berikut: -

1. Skim Pembiayaan AI-Aslah

MOCCIS tidak mensasarkan pengeluaran pembiayaan yang tinggi berikutan dana dalaman yang terhad dan beberapa penambahbaikan telah dilakukan dengan menetapkan jumlah maksimum pembiayaan kepada hanya RM50,000 dengan kadar keuntungan telah diturunkan daripada 9.99% kepada 7.99% supaya ianya lebih kompetitif di pasaran. Pembiayaan hanya dibuka kepada peminjam di kalangan kakitangan kerajaan, badan berkanun dan GLC terpilih sahaja bagi mengurangkan risiko NPL.

2. Sistem Pengurusan Berkomputer Koperasi (SPBK) dan SPBK Hosting (SPBK-H)

MOCCIS tidak begitu aktif memasarkan SPBK dan SPBK-H tetapi lebih kepada membuat penyelenggaraan dan penambahbaikan ke atas sistem bagi koperasi-koperasi yang telah mengambil pakej tersebut.

3. Insurans Takaful

MOCCIS menawarkan Insurans Takaful untuk kegunaan dalaman dan luaran. Ia terbuka kepada pelanggan yang ingin mengambil insurans melalui MOCCIS termasuklah Anggota dan lain-lain pelanggan.

4. Kutipan NPL

Dalam usaha menambah baik pengurusan kredit, MOCCIS telah menjalin kerjasama strategik bersama Tekun Corporation Sdn. Bhd. bagi Perkhidmatan Pengurusan dan Pemulihan Kredit. Kerjasama ini telah dimeterai pada 23 Julai 2026 di De MOCCIS Boutique Hotel, Kuala Lumpur.

Melalui kerjasama ini, Tekun Corporation akan membantu MOCCIS dalam usaha mendapatkan semula bayaran pembiayaan peribadi yang masih tertunggak dalam kalangan anggota. Inisiatif ini diharap dapat memperkukuh pengurusan kredit serta meningkatkan keberkesanan proses pemulihan pembiayaan.

Pada masa yang sama, MOCCIS akan terus melaksanakan aktiviti kutipan kredit melalui kakitangannya sendiri bagi akaun-akaun pembiayaan tertentu, selaras dengan strategi pengurusan kredit yang lebih menyeluruh dan berkesan.

5. MOCCIS Inn Sdn. Bhd. (MISB)

Melalui anak syarikat MISB, perniagaan hotel dijalankan dengan nama Dē MOCCIS Boutique Hotel terletak di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Mula beroperasi sepenuhnya pada 1 September 2022 dan mula menunjukkan peningkatan prestasi pada tahun 2023 dan terus berkembang pada tahun 2024. Pencapaian sederhana pada permulaan tahun 2025 dan dilihat terus meningkat melalui pemasaran agresif yang sedang dijalankan.

6. Ladang MOCCIS Sdn. Bhd. (LMSB)

Melalui anak syarikat LMSB, aktiviti-aktiviti yang telah wujud selama ini diteruskan seperti biasa serta penambahan aktiviti-aktiviti baharu seperti berikut :-

- i. Perladangan kelapa sawit
- ii. Penternakan (lembu, kambing dan rusa)
- iii. Tapak semaian anak sawit
- iv. Tanaman pokok buah-buahan (nanas, rambutan, nangka, cempedak dan sebagainya)
- v. Dē MOCCIS Lake Resort (ATV, kayak, basikal, zoo mini dan kolam renang)
- vi. Dē 1 MOCCIS Banquet Hall dan Dē 1 MOCCIS Clubhouse (kegunaan pelbagai majlis)

Dengan pengurusan yang cekap dan mahir, aktiviti-aktiviti di LMSB dilihat semakin berkembang dari masa ke masa termasuklah penambahbaikan aktiviti dan aset sedia ada di samping penambahan dan pembangunan aset baharu.

12. Prospek Perniagaan Baharu Bagi Tahun 2026/2027

Beberapa peluang perniagaan baharu telah dirancang dan akan dilaksanakan dalam waktu terdekat seperti berikut: -

- i. Membuka semula perniagaan Ar-Rahnu dengan menggunakan jenama sendiri dan sedang menunggu kelulusan dari SKM untuk dijalankan.
- ii. Membuka perniagaan kedai emas melalui kerjasama dengan pihak yang telah menjalankan perniagaan tersebut dan perbincangan lebih mendalam dan terperinci sedang dijalankan.
- iii. Memperluaskan projek penanaman buah naga berikutan sebahagian kawasan sawit yang akan ditanam semula bagi menjamin kelangsungan pendapatan yang terjejas sementara menunggu sawit boleh dituai semula.

Dengan Perintah Lembaga,



Dato' Ahmad Sobri Bin Wan Teh
Pengerusi
Anggota Lembaga

AGENDA 4.2

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Laporan Jawatankuasa Syariah
Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad (MOCCIS)
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

الرَّحِيمِ الرَّحْمَنِ اللَّهُ بِسْمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

PENDAHULUAN

Selaras dengan surat pelantikan dan peruntukan Garis Panduan Tadbir Urus Syariah (GP28) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), kami dengan ini mengemukakan Laporan Jawatankuasa Syariah bagi Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad (MOCCIS) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

Kami telah meneliti sebahagian elemen Syariah yang terpilih merangkumi prinsip, kontrak, dokumentasi, dan aplikasi transaksi Syariah yang dikemukakan MOCCIS bagi tempoh pelaporan ini.

METODOLOGI DAN SKOP SEMAKAN

Kami telah melaksanakan semakan Syariah bagi memberikan pandangan bebas sama ada MOCCIS telah mematuhi prinsip Syariah, keputusan dan resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, Jawatankuasa Syariah SKM dan juga keputusan Syariah yang ditetapkan oleh kami.

Semakan dan kajian kami merangkumi perkara-perkara berikut:

a. Struktur dan Aturan Skim Pembiayaan Islam:

Meneliti Aturan Skim Pembiayaan Al-Aslah MOCCIS dan Aturan Skim Pembiayaan Kakitangan MOCCIS yang berasaskan struktur Tawarruq (Komoditi Murabahah).

b. Dokumentasi dan Polisi Syariah:

Memeriksa Polisi Tadbir Urus Syariah MOCCIS, Garis Panduan Pemasaran, serta Garis Panduan Sistem IT Pembiayaan Islam yang telah disediakan oleh Tawafuq Consultancy dalam membantu pembangunan produk Syariah.

c. Semakan Operasi & Temu Bual:

Mengadakan temu bual bersama pihak pengurusan dan pegawai Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad.

KEPATUHAN SYARIAH

Berdasarkan semakan terhad, pada pendapat kami:

1. Kontrak, transaksi, dan perkhidmatan pembiayaan Islam yang ditawarkan oleh Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad khususnya Skim Pembiayaan Al-Aslah dan Skim Pembiayaan Kakitangan berasaskan konsep Tawarruq serta dokumentasi perundangan dan operasi dan sistem IT yang disemak adalah mematuhi prinsip Syariah, DENGAN NOTA BAHAWA:

Skim Pembiayaan Al-Aslah dan Skim Pembiayaan Kakitangan telah diluluskan Jawatankuasa Syariah MOCCIS, namun tiada sebarang transaksi direkodkan untuk disemak bagi sepanjang tempoh pelaporan ini.

2. Pihak pengurusan Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad bertanggungjawab memastikan seluruh perniagaan dan operasi koperasi dijalankan mengikut prinsip Syariah serta mematuhi dasar dan keputusan Syariah yang ditetapkan.
3. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyediakan suatu pandangan dan perakuan yang bebas berdasarkan semakan kami ke atas operasi Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad dan melaporkannya kepada Anggota.
4. Berdasarkan maklum balas dan perakuan pihak pengurusan MOCCIS (tanpa penyerahan laporan kewangan terperinci), tiada sebarang pendapatan daripada sumber atau cara yang dilarang oleh prinsip Syariah dilaporkan kepada kami bagi tempoh pelaporan ini.

KESIMPULAN

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad, berdasarkan pengetahuan terhad serta maklumat yang diperolehi, dengan ini mengesahkan bahawa operasi dan aktiviti pembiayaan Islam Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad bagi tahun kewangan berakhir **31 Disember 2025** telah dijalankan selaras dengan prinsip Syariah.


الْعَالَمِينَ رَبِّ لِلَّهِ الْحَمْدُ أَنْ دَعَوَاهُمْ وَأَخْرَ

Disahkan Oleh:



**EN. MUHAMMAD AIMAN MOHAMAD
SALMI**

Pengerusi Jawatankuasa Syariah
MOCCIS



DR. MOHD LOTPI MOHD YUSOB

Ahli Jawatankuasa Syariah MOCCIS



CIK NUR SYAZWANI SALLEHUDDIN

Ahli Jawatankuasa Syariah MOCCIS

AGENDA 4.3

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN TAHUN 2025/2026

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN MOCCIS BERHAD SESI 2025/2026 UNTUK MAPT KE-83

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) bagi sesi 2025/2026 telah dilantik oleh Ahli Lembaga Koperasi (ALK) MOCCIS Berhad pada 25 September 2025 mengikut peruntukan Seksyen 42A, Akta Koperasi dan Fasal 42(h) Undang-Undang Kecil (UUK) MOCCIS 2010. Mereka adalah terdiri daripada:
 - 1.1.1 Tuan Hashim Bakhtiar bin Amir Shahrudin (No Anggota 10547) sebagai Pengerusi JAD
 - 1.1.2 Dr. Ibrahim Kamal bin Abdul Rahman (No Anggota 6940) sebagai Anggota JAD
 - 1.1.3 Tuan Syed Hashim bin Syed A Rahman (No Anggota 017762) sebagai Anggota JAD
- 1.2 JAD telah mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada 11 November 2025 setelah anggota JAD diperkenalkan kepada pengurusan MOCCIS Berhad mengikut surat pelantikan MOCCIS/PELANTIKAN JK/10/2025 bertarikh 01 Oktober 2025. Mesyuarat pertama JAD telah memutuskan dan mengesahkan Tuan Hashim Bakhtiar bin Amir Shahrudin sebagai Pengerusi JAD bagi sesi ini. Unit Audit Dalaman (UAD) telah bertindak sebagai urusetia bagi Jawatankuasa ini.
- 1.3 Unit Audit Dalaman MOCCIS mempunyai 1 orang kakitangan:
 - 1.3.1 Puan Siti Artia'a binti Abd Hamid - Eksekutif Unit Audit Dalaman (UAD).
- 1.4 Sepanjang Sesi 2025/2026 pihak JAD dan UAD telah merancang jadual kerja audit yang berakhir pada 25 Jun 2026. Berikut adalah senarai Mesyuarat Bulanan dan Mesyuarat Khas:
 - 1.4.1 Mesyuarat Bulanan / Mesyuarat Khas dan kerja-kerja audit:

Bil.	PERKARA	Tarikh
1	Mesyuarat JAD Bil. 1	05 November 2025
2	Mesyuarat Khas JAD Bil. 1	17 Disember 2025
3	Audit Ladang MOCCIS Sdn. Bhd. (LMSB)	13 Januari 2026
4	Mesyuarat JAD Bil. 2	11 Februari 2026
5	Audit Dē MOCCIS Boutique Hotel (DMBH)	07 -08 April 2026
6	Audit Jabatan Kewangan & Akaun / Perniagaan / Kutipan & Litigasi/ Korporat / Pentadbiran / IT / Keanggotaan & Pembiayaan/ MOCCIS Nominees	06 Mei 2026
7	Mesyuarat JAD Bil. 3	27 April 2026
9	Mesyuarat JAD Bil. 4	25 Mei 2026
10	Mesyuarat Khas Bil. 2	25 June 2026

2.0 PENEMUAN

Laporan JAD ini disediakan merujuk kepada maklumat terperinci penemuan yang didokumenkan dalam laporan-laporan audit berikut:

Bil.	Laporan Yang Telah Disediakan
1.	Laporan Pengauditan Ladang MOCCIS Sdn. Bhd
2.	Laporan Pengauditan Dē MOCCIS Boutique Hotel
3.	Laporan Pengauditan Jabatan Korporat • Unit Pentadbiran & Sumber Manusia • Unit Teknologi Maklumat • Unit Audit Dalaman
4.	Laporan Pengauditan Jabatan Pengurusan Aset, Perniagaan & Kutipan • Unit Perniagaan - Unit Aset & Pembangunan - Unit Pemasaran • Unit Kutipan & Litigasi
5.	Laporan Pengauditan Jabatan Keanggotaan • Unit Keanggotaan & Pembiayaan
6.	Laporan Pengauditan Jabatan Kewangan & Akaun
7.	Laporan Pengauditan MOCCIS Nominees Sdn. Bhd.

3.0 KESIMPULAN DAN RUMUSAN

3.1 Berdasarkan pengauditan yang dijalankan, Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) sesi 2025/2026 menyimpulkan beberapa perkara berdasarkan anak syarikatnya:

3.1.1 Dē MOCCIS Boutique Hotel (DMBH)

Secara keseluruhannya, pengurusan hotel menunjukkan usaha berterusan dalam melaksanakan langkah penjimatan kos dan penambahbaikan operasi, namun masih terdapat kelemahan ketara dalam aspek pengurusan kehadiran, sumber manusia serta ketepatan rekod kewangan yang memerlukan tindakan segera bagi mengurangkan risiko terhadap kecekapan operasi dan integriti pelaporan.

Pada masa yang sama, pelaksanaan strategi pemasaran yang lebih agresif dan tersusun adalah penting bagi meningkatkan penghasilan untuk segmen bilik (room), makanan dan minuman (F&B), serta acara (*event*), dengan sasaran minimum RM100,000.00 sebulan bagi mencapai keuntungan bersih tanpa kebergantungan kepada sokongan kewangan daripada ibu pejabat (HQ).


3.1.2 Ladang MOCCIS Sdn Bhd (LMSB) & Dē MOCCIS Lake Resort (DMLR)

Pada keseluruhannya pengurusan ladang menunjukkan prestasi yang memberangsangkan, baik dari segi pengeluaran FFB pelaksanaan projek/aktiviti di ladang atau pun operasi di bawah Pentadbiran Pengerusi Eksekutif LMSB Dato' Ahmad Sobri bin Wan Teh. Penggembelangan aspek pengurusan, perbelanjaan berhemah, sumber manusia, modal, teknologi dan komitmen semua pihak termasuk ALP akan menjurus kepada peningkatan produktiviti ladang menjadikannya lebih kompetitif, berdaya saing dan berjaya. Lawatan kali ini mempamerkan perubahan yang ketara dari segi pengurusan ladang yang teratur, tersusun dan inovatif dengan wujudnya Pengerusi Eksekutif yang menjalankan tugasnya dengan konsep *management by walking around and passionately involved wholeheartedly*. JAD mengucapkan syabas kepada Dato' P.E. LMSB bersama kakitangan beliau.

- 3.2 Walau bagaimanapun, beberapa isu utama masih memerlukan perhatian, antaranya penyelesaian akaun tertunggak audit, pembayaran manfaat anggota yang masih tertunggak, prestasi kewangan Dē MOCCIS Boutique Hotel yang belum mencapai tahap keuntungan serta keperluan memperkukuhkan sumber manusia dan sistem operasi di beberapa jabatan.
- 3.3 Anggota Lembaga Koperasi dan Pengurusan telah memberi perkhidmatan yang cemerlang serta memuaskan bagi kepuasan kepada pelanggan-pelanggan dan anggota-anggota MOCCIS melalui penambahbaikan berterusan terhadap sistem pengurusan terkini.
- 3.4 Secara keseluruhannya JAD melihat dan berharap MOCCIS berada di landasan yang betul untuk terus maju ke hadapan dengan wujudnya perniagaan-perniagaan baru yang diceburi agar ia akan dapat menambahkan pendapatan koperasi serta terus kekal dan relevan sebagai salah satu koperasi yang kukuh di Malaysia.



Tuan Hashim Bakhtiar bin Amir Shahrudin
Pengerusi JAD MOCCIS Berhad
Sesi 2025/2026
Tarikh: 09 JUL 2026



Dr. Ibrahim Kamal bin Abdul Rahman
Anggota JAD MOCCIS Berhad
Sesi 2025/2026
Tarikh: 09 JUL 2026



Tuan Syed Hashim bin Syed A Rahman
Anggota JAD MOCCIS Berhad
Sesi 2025/2026
Tarikh: 09 JUL 2026

AGENDA 5
MENIMBANG DAN MELULUSKAN
PENYATA KEWANGAN TERAUDIT
KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA
BAGI TAHUN 2023, 2024
dan 2025
(DIEDARKAN BERASINGAN)

AGENDA 6

MEMILIH TIGA (3) ANGGOTA LEMBAGA BAHARU

AGENDA 6: MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA BAHARU

Mengikut Undang-undang Kecil 37 (1), satu pertiga daripada Anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan. Anggota-anggota Lembaga yang mengosongkan jawatan ini bolehlah dilantik semula.

Pada tahun ini terdapat tiga (3) kekosongan jawatan anggota Lembaga yang boleh diisi. Seorang Anggota Lembaga juga yang mengosongkan jawatan dan boleh dilantik semula adalah: -

- a) Dato' Hj. Azizan Bin Noordin

Menurut subseksyen 4(2) Akta Koperasi 1993 (Akta), Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah meluluskan penentusahan calon Lembaga sepertimana terkandung dalam GP3: Garis Panduan Perlantikan Atau Perlantikan Semua Anggota Lembaga Koperasi (Pindaan) 2012 untuk tempoh sehingga 3 tahun.

AGENDA 7

MENIMBANG BELANJAWAN TAHUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2026 (DISEMAK SEMULA) DAN 2027

ANGGARAN BELANJAWAN MOCCIS BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2027

	<i>Nota</i>	Disember	Bajet	Bajet	Bajet	Bajet
		2025	2025	2026	2026 (Disemak)	2027
PENDAPATAN		RM	RM	RM	RM	RM
Kredit		535,419	1,780,100	1,869,100	1,925,100	2,221,300
Hutang ragu pulih kembali		1,000,876	1,980,000	2,079,000	2,141,300	2,448,300
Sewaan bangunan		316,800	316,800	332,600	332,600	349,200
Keuntungan Bersih SPBK/SPBK-H		25,400	285,600	299,800	299,800	314,700
Pendapatan Operasi		1,878,495	4,362,500	4,580,500	4,698,800	5,333,500
Pendapatan insurans		122	2,500	2,600	2,600	2,700
Pendapatan Dividen		680,000	2,700,000	2,835,000	2,800,000	2,900,000
Faedah simpanan tetap/saham		180,989	408,000	428,400	441,200	463,200
Kos Proses Pinjaman Anggota		2,000	132,000	138,600	142,700	149,800
Pelbagai terimaan		42,183	36,500	38,300	39,400	41,300
Fi Pengurusan		1,207,200	1,200,000	1,200,000	1,207,200	1,207,200
Pendapatan bukan operasi		2,112,494	4,479,000	4,642,900	4,633,100	4,764,200
JUMLAH PENDAPATAN		3,975,346	8,841,500	9,223,400	9,331,900	10,097,700

Nota

Merujuk kepada Perjanjian baru setelah Penstrukturan Semula Pinjaman Kementerian Kewangan (MOF)

sambungan	Nota	Disember	Bajet	Bajet	Bajet	Bajet
		2025	2025	2026	2026 (Disemak)	2027
Gaji ,Bonus & Emolumen		1,361,078	2,000,000	2,100,000	2,100,000	2,205,000
Perubatan Kakitangan		83,033	90,000	94,500	97,300	102,100
Elaun bulanan ALK		87,000	72,000	156,000	156,000	228,000
Elaun mesyuarat j/kuasa kerja		5,500	20,000	20,000	20,000	21,000
Elaun mesyuarat Juruaudit Dalam		8,350	9,600	10,000	10,000	12,000
Belanja ALK & J/Kuasa dan JAD		19,981	35,000	35,000	35,000	36,000
Kos Pentadbiran		1,564,941	2,226,600	2,415,500	2,418,300	2,604,100
Fi Audit		25,000	30,300	32,000	32,000	33,600
Bayaran perkhidmatan cukai		5,280	12,100	12,700	12,700	13,000
Cukai pintu dan tanah		39,036	66,600	69,000	69,000	72,000
Insurans hartanah		22,778	33,000	34,600	34,600	36,300
Yuran guaman/pampasan		176,947	600,500	630,000	630,000	640,000
Kursus ,Latihan & Seminar		100	33,000	34,600	34,600	363,000
Penyelenggaraan bangunan dan aset		78,975	165,000	173,000	178,000	186,900
Perbelanjaan Mesyuarat Agung		39,295	59,000	177,000	177,000	60,000
Lain-lain Perbelanjaan		33,130	33,000	34,000	35,000	36,700
Susutnilai Aset		784,713	785,000	785,000	785,000	785,000
Kos Bukan Operasi		1,205,253	1,817,500	1,981,900	1,987,900	2,226,500
JUMLAH PERBELANJAAN		3,030,828	6,337,608	4,860,600	4,890,900	5,347,100
Untung/(rugi)		944,518	2,503,892	4,362,800	4,441,000	4,750,600

1. Elaun bulanan Anggota Lembaga MOCCIS pada Tahun 2026 :
 - Pengerusi berjumlah RM3,000.00 sebulan
 - Anggota Lembaga RM2,000.00 sebulan
2. MOCCIS telah memohon penstrukturan semula Pinjaman Kerajaan Persekutuan pada 15 Januari 2025 dan telah mendapat tawaran penstrukturan semula pada 8 Julai 2025 setelah beberapa kali membuat permohonan sejak dari tahun 2018. Jumlah baki pinjaman yang ditawarkan berjumlah RM93,511,191.04 (Pokok : RM80,130,000.00 ; Faedah : RM13,381,191.04). Kadar keuntungan 0% dan tempoh pembayaran semula selama 25 tahun bermula 1.04.2025 – 31.03.2050.

AGENDA 8

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN
ELAUN DAN HONORARIUM
KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN
ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT
DALAMAN DAN SARAAN KEPADA
ANGGOTA LEMBAGA YANG
DILANTIK SEBAGAI PENGARAH
BAGI SUBSIDIARI KOPERASI**

AGENDA 8

MENIMBANG DAN MELULUSKAN ELAUN DAN HONORARIUM KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH BAGI SUBSIDIARI KOPERASI

ELAUN SARAAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Menurut Akta Koperasi 1993 di bawah seksyen 46, seorang Lembaga sesuatu koperasi boleh menerima elaun daripada koperasi itu dan subsidiarinya tetapi amaun elaun itu tidak boleh melebihi jumlah wang yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung Koperasi itu.

Elaun Anggota Lembaga Koperasi (bulanan):

- a) Pengerusi :RM3,000.00
- b) ALK :RM2,000.00

Elaun Jawatankuasa Audit Dalaman (per mesyuarat)

- a) Pengerusi :RM300.00
- b) Ahli Jawatankuasa :RM250.00

Dengan itu adalah dipohon supaya Mesyuarat Agung Perwakilan meluluskan cadangan elaun kepada Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalaman seperti dicadangkan di atas.

ELAUN SARAAN PENGARAH SUBSIDIARI KOPERASI

Ladang MOCCIS Sdn.Bhd.

Ladang MOCCIS Sdn. Bhd. bercadang untuk bayaran Fi Pengarah bagi Tahun 2025 sebanyak RM60,000.00 kepada Pengerusi dan RM50,000.00 kepada lain-lain Ahli Lembaga Pengarah tertakluk kepada tempoh perlantikan mereka sebagai Ahli Lembaga sehingga 31 Disember 2025 seperti kelulusan pada tahun-tahun sebelumnya.

Dengan itu adalah dipohon supaya Mesyuarat Agung Perwakilan meluluskan cadangan elaun kepada Anggota Lembaga Koperasi dan mengesahkan fi bayaran kepada Ahli Lembaga Pengarah Ladang MOCCIS Sdn. Bhd. bagi tahun 2025 seperti dicadangkan di atas.

MOCCIS Nominees Sdn Bhd.

Mesyuarat MOCCIS Nominees Sdn. Bhd. (MNSB) mencadangkan peruntukan elaun pengarah bagi tahun 2025 berjumlah RM2,000.00 seorang setahun kepada tiga (3) Ahli Lembaga Pengarah MNSB.

Dengan itu adalah dipohon supaya Mesyuarat Agung Perwakilan meluluskan cadangan elaun kepada Anggota Lembaga Koperasi dan mengesahkan fi bayaran kepada Ahli Lembaga Pengarah MOCCIS Nominees Sdn. Bhd. bagi tahun 2025 seperti dicadangkan di atas.

MOCCIS Inn Sdn. Bhd.

Mesyuarat MOCCIS Inn Sdn. Bhd. (MISB) mencadangkan peruntukan elaun pengarah bagi tahun 2025 berjumlah RM1,000.00 seorang setahun kepada empat (4) Ahli Lembaga Pengarah MISB.

Dengan itu adalah dipohon supaya Mesyuarat Agung Perwakilan meluluskan cadangan elaun kepada Anggota Lembaga Koperasi dan mengesahkan fi bayaran kepada Ahli Lembaga Pengarah MOCCIS Inn Sdn. Bhd. bagi tahun 2025.

MOCCIS Holdings Sdn. Bhd.

Mesyuarat MOCCIS Holdings Sdn. Bhd. (MHSB) mencadangkan peruntukan elaun pengarah bagi tahun 2025 berjumlah RM1,000.00 seorang setahun kepada tiga (3) Ahli Lembaga Pengarah MHSB.

Dengan itu adalah dipohon supaya Mesyuarat Agung Perwakilan meluluskan cadangan elaun kepada Anggota Lembaga Koperasi dan mengesahkan fi bayaran kepada Ahli Lembaga Pengarah MOCCIS Holdings Sdn.Bhd. bagi tahun 2025.

AGENDA 9

**MELULUSKAN PERLANTIKAN
SUATU PANEL YANG TERDIRI
DARIPADA TIDAK KURANG
DARIPADA DUA ORANG
JURUAUDIT YANG DILULUSKAN
OLEH SURUHANJAYA**

AGENDA 9

MELULUSKAN PERLANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA ORANG JURUAUDIT YANG DILULUSKAN OLEH SURUHANJAYA

Sukacita dimaklumkan, di bawah Seksyen 60(2) Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2008) bahawa pengauditan akaun koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 diaudit oleh Atarek Kamil Ibrahim & Co.

Anggota Lembaga mencadangkan mana-mana daripada Syarikat di bawah ini dilantik sebagai Juruaudit yang baru bagi tahun kewangan 2025/2026.

1. **MHA ASSOCIATES PLT**

MHA Associates PLT (LLP0046221-LCA & AF0669) adalah sebuah firma milik penuh 'Bumiputera' yang terletak di Pusat Bandar Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Firma telah ditubuhkan pada Februari 1989 dan dianggap sebagai 30 Firma Penasihat Perakaunan dan Perniagaan terbaik di Kuala Lumpur dan Malaysia. Firma ini merupakan Juruaudit Koperasi bertaualiah dan juga menyediakan perkhidmatan profesional seperti perakaunan tradisional dan awan, audit & jaminan, nasihat, kesetiausahaan syarikat, pemulihan korporat & insolvensi, nasihat syariah, cukai, senarai gaji, sumber manusia, forensik, perkhidmatan IT dan lain-lain. Firma ini mempunyai pengalaman mengaudit Koperasi di Malaysia.

2. **AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR (AFTAAS)**

Aftaas (AF1300) adalah sebuah firma milik penuh 'Bumiputera' yang terletak di Rampai Business Park, Kuala Lumpur. Firma telah ditubuhkan pada tahun 2000 dan mempunyai 5 cawangan di Malaysia. Firma merupakan ahli '**Parker Randall International**'. Firma ini merupakan Juruaudit Koperasi bertaualiah dan juga menyediakan perkhidmatan 'tax advisory', perundingan dan penasihat korporat dan penasihat syariah. Firma ini mempunyai pengalaman mengaudit Koperasi di Malaysia

3. **MNZWAJ ASSOCIATES**

MNZWaj Associates (AF001959) adalah firma milik penuh 'Bumiputera' yang terletak di Wangsa Maju, Kuala Lumpur dan telah ditubuhkan pada tahun 2008. Firma ini mempunyai 10 cawangan di seluruh Malaysia. Firma ini merupakan Juruaudit Koperasi bertaualiah dan juga menyediakan perkhidmatan 'Business Auditing and Advisory Service', 'Tax Advisory and Zakat services', 'Management consultancy' dan 'secretarial services'. Firma ini mempunyai pengalaman mengaudit Koperasi di Malaysia.

4. **JAMAL AMIN & PARTNERS**

Jamal Amin & Partners (JAP) (AF1067) adalah firma milik penuh 'Bumiputera' yang terletak di Jalan Genting Klang, Setapak. Firma telah ditubuhkan pada tahun 1994 dan mempunyai 8 cawangan di seluruh Malaysia dan 5 di luar negara. Firma ini merupakan Juruaudit Koperasi bertaualiah dan juga menyediakan perkhidmatan 'statutory audit', 'tax advisory', 'accounting software', 'internal audit', 'financial advisory services' dan 'islamic business and finance'. Firma ini mempunyai pengalaman mengaudit Koperasi di Malaysia.

AGENDA 10

MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN KOPERASI

AGENDA 10 MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN KOPERASI

Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-82, mesyuarat telah bersetuju meluluskan skop dan had pelaburan koperasi sebanyak RM100.0 juta. Penggunaan skop dan had pelaburan tersebut tertakluk atas bijaksana Lembaga Koperasi.

Oleh itu, pada tahun 2026/2027, dimohon mesyuarat meluluskan jumlah skop dan had pelaburan koperasi untuk jumlah yang sama iaitu sebanyak RM100.0 juta.

AGENDA 11

MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN RM350.0 JUTA

AGENDA 11 MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN RM350.0 JUTA

Dengan segala hormatnya, Anggota Lembaga MOCCIS ingin memaklumkan bahawa HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN MOCCIS bagi tahun 2026/2027 ialah RM350.00 juta. Jumlah ini adalah sama seperti yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan yang lalu iaitu RM350.00 juta bagi tujuan-tujuan berikut di bawah: -

Keputusan ini diperlukan adalah mengikut peruntukan yang terkandung di dalam Akta Koperasi 1993, Seksyen 52(1), (2) dan (3).

Had Maksimum Keterhutangan adalah bagi tujuan-tujuan berikut: -

	RM
A) Pinjaman sedia ada dan telah digunakan sehingga 31/12/2025	120,000,000.00
B) Pembiayaan tambahan yang diperlukan untuk membiayai aktiviti 'Skim Pembiayaan Islam' kepada anggota.	100,000,000.00
C) Peruntukan untuk Perbelanjaan Modal/Aset dan aktiviti Koperasi dari masa ke semasa	130,000,000.00

	350,000,000.00
	=====

AGENDA 12

**MENDENGAR, MENIMBANG
ATAU MEMUTUSKAN APA-APA
CADANGAN ATAU HAL URUSAN
LAIN KOPERASI YANG BAGINYA
SATU NOTIS TIDAK KURANG
DARIPADA TUJUH HARI TELAH
DIBERIKAN**

AGENDA 13

MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI

**KELULUSAN PINDAAN KEPADA
UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI**



PERAKUAN PENDAFTARAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL

Adalah dengan ini diperakukan bahawa pindaan undang-undang kecil
9(1), 11(1), 13(1), 13(3), 16, 21, 22, 23(1), 23(4), 24(1), 24(3), 56 dan 60(7)
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI MELAYU MALAYSIA BERHAD

telah didaftarkan di bawah
subseksyen 18(3) Akta Koperasi 1993.

Ditandatangani dan dimeteraikan pada hari ini
enam haribulan **Julai** tahun dua ribu dua puluh enam.


(LEFTENAN JENERAL
DATUK AHMAD NORIHAN BIN JALAL (B))
Pengerusi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia


(NOR AZAM BIN MD SALLEH)
Setiausaha Lembaga
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



No. Daftar: 310
No. Daftar 12 Digit: 193471400010
Ruj: SKM.IP.(PEND)W-10/(38)

Tarikh MAPT: 25/11/2023

Tarikh Daftar Pindaan UUK: 6/7/2026

**PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI MELAYU MALAYSIA BERHAD**

9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan peraturan-peraturan dan mana-mana perundangannya yang lain menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

(a) Menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- (i) mengadakan kemudahan untuk membolehkan anggota menyimpan sebahagian daripada pendapatannya dan memberi pembiayaan mengikut syariah kepada mereka bagi maksud yang berfaedah;
- (ii) menjalankan aktiviti perladangan **dan penternakan** termasuk aktiviti pengguna, agensi dan lain-lain;
- (iii) mengadakan kemudahan pembiayaan barangan pengguna mengikut syariah;
- (iv) menjalankan aktiviti skim pajak gadai berlandaskan syariah (Ar-Rahnu) **dan jual beli emas**;
- (v) membantu anggota menguruskan pembayaran tertentu kepada koperasi ini dan pihak lain;
- (vi) **menjalankan semua aktiviti berkaitan dengan perdagangan dan pengangkutan**;
- (vii) **menjalankan aktiviti perniagaan perhotelan, *homestay* dan resort**;
- (b) menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota;
- (c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
- (d) melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;
- (e) mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya; dan
- (f) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi lain.

Kelayakan menjadi anggota.

11. (1) Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada semua pegawai-pegawai Melayu dan Bumiputra yang berkhidmat dengan:

- (a) Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan;
- (b) Badan Berkanun;
- (c) Syarikat milik kerajaan;
- (d) Koperasi ini, atau subsidiarinya;
- (e) Syarikat swasta yang mendapat kelulusan Lembaga

yang menerima penggajian pokok dan elaun tetap bulanan tidak kurang daripada **RM1,700.00 (Ringgit: satu ribu tujuh ratus).**

Fi masuk

13. (1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak **RM50.00 (Ringgit: Lima Puluh Sahaja)**. Fi masuk itu menurut seksyen 50(1)(a) Akta akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.

(3) Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan fi masuk sebanyak **RM100.00 (Ringgit: Satu Ratus Sahaja)**.

Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota

16. Menurut seksyen 28 Akta, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran **syer minimum RM50.00 (Ringgit: Lima Puluh Sahaja)**, yuran bulanan anggota sekurang-kurangnya **RM50.00 (Ringgit: Lima Puluh Sahaja)** sebulan tanpa gagal dan yuran terkumpul berjumlah **RM500.00 (Ringgit: Lima Ratus Sahaja)** bagi anggota bersara yang memilih tidak meneruskan yuran bulanannya boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota, sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil ini.

Terhenti menjadi anggota

21. (1) Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab berikut:

- (a) mati;
- (b) menarik diri menurut undang-undang kecil 22; atau
- (c) dibuang menurut undang-undang kecil 23.

- (2) Lembaga hendaklah menyingkir seseorang anggota yang-
- (a) didapati membuat ikrar palsu menurut undang-undang kecil 14;
 - (b) hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang-undang kecil 20;
 - (c) terhenti keanggotaannya menurut perenggan (c) fasal (1);
 - (d) gagal menjelas syer minimum menurut Undang-Undang Kecil 55;
 - (e) gagal menjelaskan yuran menurut Undang-Undang Kecil 56 enam bulan berturut-turut dengan tiada kebenaran Lembaga; atau
 - (f) gagal mengekalkan yuran/yuran terkumpul berjumlah **RM500.00 (Ringgit: Lima Ratus Shaja)** bagi anggota bersara yang memilih untuk tidak meneruskan bayaran yuran bulanan menurut fasal (4) Undang-Undang Kecil 56 dengan tiada kebenaran Lembaga.

(3) Lembaga dengan budi bicaranya sendiri boleh membenarkan anggota yang tidak menjelaskan yurannya kepada Koperasi ini lebih dari enam bulan terus menjadi anggota dengan mengenakan denda sebanyak **RM5.00 (Ringgit: Lima Sahaja)** pada tiap-tiap kali anggota itu tidak menjelaskan yurannya lebih dari enam bulan.

Menarik diri

22. (1) Seseorang anggota boleh menarik diri daripada Koperasi ini dengan memberi notis bertulis **dua belas bulan** terlebih dahulu kepada Lembaga. Atas sebab yang munasabah, Lembaga boleh membenarkan penarikan diri dalam tempoh yang singkat.
- (2) Melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh Lembaga, maka keanggotaan anggota itu hendaklah terhenti hanya pada hari genap tempoh notisnya.
- (3) Dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota.

Penggantungan dan pembuangan anggota

23. (1) Seseorang anggota hendaklah dianggap telah bertindak memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh digantung keanggotaannya jika didapati melakukan mana-mana satu daripada perkara berikut:

- (a) merujukkan pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya;
- (b) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai Koperasi ini tanpa kebenaran Lembaga;
- (c) membuat tuduhan palsu ke atas Anggota Lembaga atau bekas anggota **atau Jawatankuasa Audit Dalam dan atau mana-mana Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga Koperasi** atau pekerja Koperasi ini;
- (d) memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini; atau
- (e) bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu.

23. (4) Keputusan mengesahkan penggantungan dan membuang atau mengetepikan penggantungan keanggotaan itu boleh dibuat oleh mesyuarat agung perwakilan dengan undi **majoriti** daripada anggota yang hadir –

- (a) selepas mendengar penjelasan daripada anggota berkenaan sekiranya anggota berkenaan hadir; atau
- (b) selepas menimbang fakta pertuduhan yang dibentangkan oleh Lembaga, sekiranya anggota tersebut tidak hadir.

Penyelesaian wang anggota

24. (1) Jika seseorang anggota terhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini menurut Undang-Undang Kecil 21, semua wang kepunyaannya melainkan nilai syer miliknya, setelah ditolak hutangnya dengan Koperasi ini hendaklah –

- (a) sekiranya dia ditamatkan keanggotaannya, dikembalikan kepadanya dengan segera tanpa apa-apa syarat;
- (b) sekiranya dia hilang keupayaan dari segi mental dan tiada pentadbir atau pemegang amanah bagi hartanya yang telah dilantik, dikembalikan

kepada sesiapa yang difikirkan wajar untuk menerima bagi pihaknya setelah penerima itu ditentukan;

- (c) sekiranya dia mati, dikembalikan kepada penerimanya atau warisnya atau wakilnya yang sah, menurut seksyen 24 Akta, disyaratkan bahawa bagi seseorang anggota Islam, pengembalian tidak boleh dibuat melainkan kepada wakilnya yang sah atau kepada Pegawai Pentadbir Pusaka jika selepas enam bulan dari tarikh kematiannya, penamanya yang sah tidak dapat dipastikan atau dilantik;
- (d) sekiranya dia menarik diri, dikembalikan kepadanya dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh berhenti menjadi anggota; atau
- (e) sekiranya dia tidak lagi bermastautin, mempunyai hartanah dan bekerja dalam kawasan operasi Koperasi, dikembalikan kepadanya dengan sewajarnya.

24 (3) Seseorang yang berhutang kepada Koperasi ini samada sebagai penerima pembiayaan atau penjamin, **yang tidak kurang dua belas bulan menjadi anggota bolehlah memberi dua belas bulan notis menyatakan hasratnya hendak menarik diri keluar dari Koperasi ini, tetapi notis yang demikian itu akan terbatal kecuali ia bebas dari segala tanggungan kepada Koperasi ini sama ada sebagai penerima pembiayaan atau penjamin.** Seseorang anggota yang masih berhutang kepada Koperasi ini sebagai penerima pembiayaan dan mempunyai jumlah syer, yuran, syer bonus matang dan kepentingan-kepentingan di dalam Koperasi ini sama banyak atau lebih dari jumlah pembiayaan yang belum dijelaskannya, pada waktu ia menghantar permintaan menarik diri itu, bolehlah di dalam keadaan yang luar biasa, dibenarkan menyelaraskan hutangnya dengan syer, yuran, syer bonus matang dan kepentingan-kepentingan itu, jika ada, akan dibayar kepada anggota itu hanya setelah tamat tempoh **dua belas bulan** dari tarikh permintaannya untuk menarik diri diluluskan.

Yuran

56. (1) Yuran bulanan anggota seperti yang diperuntukkan menurut perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya **RM50.00 (Ringgit: Lima Puluh Sahaja) sebulan.** Tiap-tiap anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan jimat cermat dan pinjam meminjam yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.

- (2) Sumbangan yuran hendaklah dibuat tiap-tiap bulan dari potongan gaji atau apa-apa cara lain yang dipersetujui oleh Lembaga.
- (3) Anggota-anggota yang telah bersara dari perkhidmatan atau anggota-anggota yang diluluskan Lembaga bolehlah membuat pilihan supaya tidak meneruskan bayaran yuran bulanan.
- (4) **Bagi anggota-anggota yang telah bersara dari perkhidmatan yang telah memilih tidak meneruskan bayaran yuran bulanan menurut fasal (3) hendaklah mengekalkan baki yuran terkumpul berjumlah RM500.00 (Ringgit: Lima Ratus Sahaja).**
- (5) Selain daripada sumbangan yuran di bawah fasal (1), anggota digalakkan menyumbang sekurang-kurangnya **RM50.00 (Ringgit: Lima Puluh Sahaja)** sebulan ke dalam simpanan khas;
- (6) **Yuran boleh dikeluarkan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh berhenti menjadi anggota atau tertakluk kepada kelulusan Lembaga.** Yuran akan dikembalikan kepada anggota berkenaan setelah ditolak segala bayaran yang perlu dijelaskan oleh anggota itu kepada Koperasi ini. Wang itu akan dibayar oleh Koperasi ini tanpa dividen sekiranya bayaran itu diperbuat sebelum dividen diisytiharkan, dan dengan dividen sekiranya bayaran itu diperbuat setelah dividen diisytiharkan. **Sekiranya pemberhentian itu disebabkan oleh hilang keupayaan dari segi mental, yuran dan kepentingan lain anggota itu hendaklah diselesaikan menurut perenggan (b) fasal (1) Undang-Undang Kecil 24.**
- (7) Seseorang anggota bolehlah mengeluarkan sehingga **dua puluh lima peratus** dari jumlah yurannya. Tujuan pengeluaran yuran yang sedemikian adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga dan dibenarkan hanya sekali sahaja dalam lat tempoh tujuh tahun menjadi anggota.

Keuntungan modal

60. (7) Syer bonus yang terbit dari keuntungan jualan harta atau saham yang disebutkan didalam perenggan (a) fasal (1) dan (2) akan menjadi matang dan boleh dikeluarkan dengan tunai setelah anggota memenuhi salah satu dari syarat berikut –

- (a) mati (dalam hal ini syer bonus dibayar kepada waris anggota berkenaan; atau

- (b) mencapai umur **enam puluh tahun** dan telah menjadi anggota tidak kurang daripada lima belas tahun; atau
- (c) **bersara dari perkhidmatan kerajaan atau badan berkanun mengikut Akta Pencen 1980 dan Akta Pelarasan Pencen 1980 dan mana-mana pindaan yang dibuat ke atas kedua-dua Akta itu dan telah menjadi anggota tidak kurang daripada lima belas tahun; atau**
- (d) bersara dari perkhidmatan yang lain dari yang dinyatakan di bawah perenggan (c) dengan syarat anggota itu telah mencapai umur lima puluh tahun dan telah menjadi anggota tidak kurang daripada lima belas tahun; atau
- (e) berhenti dari koperasi ini tetapi telah menjadi anggota tidak kurang daripada dua puluh tahun.



PERAKUAN PENDAFTARAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL

Adalah dengan ini diperakukan bahawa pindaan undang-undang kecil

35

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI MELAYU MALAYSIA BERHAD

*telah didaftarkan di bawah
subseksyen 18(3) Akta Koperasi 1993.*

*Ditandatangani dan dimeteraikan pada hari ini
enam haribulan Julai tahun dua ribu dua puluh enam.*

(LEFTENAN JENERAL
DATUK AHMAD NORIHAN BIN JALAL (B))
Pengerusi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

(NOR AZAM BIN MD SALLEH)
Setiausaha Lembaga
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



No. Daftar: 310
No. Daftar 12 Digit: 193471400010
Ruj: SKM.IP.(PEND)W-10/(40)

Tarikh MAPT: **31/12/2024**

Tarikh Daftar Pindaan UUK: **6/7/2026**

**PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI MELAYU MALAYSIA BERHAD**

Lembaga Koperasi

- 35.** (1) Lembaga Koperasi hendaklah mengandungi **enam** orang yang terdiri daripada perwakilan yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan, menurut seksyen 42 Akta dan perenggan (d) fasal (1) undang-undang kecil 33
- (2) **Dimansuhkan.**

LAMPIRAN 1

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-82 PADA 25 SEPTEMBER 2025 (anggota aktif sehingga 31 Ogos 2025):-

A) SENARAI ANGGOTA PERWAKILAN YANG HADIR

BIL	NO. ANGGOTA	NO K/P	NAMA PERWAKILAN
1	006067	491119085099	YBHG. DATO' ABDUL AZIZ BIN MAT
2	006940	550307075151	PROF. DR. IBRAHIM KAMAL BIN ABDUL RAHMAN
3	008080	661223025079	YBHG. DATO' AHMAD SOBRI BIN WAN TEH
4	008118	640417106413	ENCIK NORDIN SAM BIN ZAINAL
5	008770	670212075163	TUAN HAJI MOHD NOR BIN ABU BAKAR
6	008888	690723715183	ENCIK MOHD ALI ROSS BIN KASSIM
7	009380	640812085675	ENCIK MEGAT RUSHDAN BIN MEGAT OSMAN
8	010208	660426125366	PUAN ROSNAL @ ROSNAH BTE SAMAN
9	010547	560324085609	ENCIK HASHIM BAKHTIAR BIN AMIR SHAHARUDIN
10	010551	700227085414	PUAN SHILAWATI BINTI MOKHTAR
11	010736	650731106613	ENCIK JASRI BIN HJ. JASSID
12	010766	690602035587	YBHG. DATO' HAJI AZHAR BIN HUSIN
13	012131	730502115348	PUAN NIK RALINA BT AHMAD
14	012167	810805016398	CIK NURULFAIZUL AZWA BINTI ABD SALAM
15	012947	700502715303	ENCIK MASRIL BIN SURIN
16	014793	711228105441	ENCIK KAMAL EFFENDI BIN MOHD ARIF
17	016388	841219105920	PUAN NORHAYATI BINTI AWI
18	016878	790614105050	PUAN NORIZAN BINTI OTHMAN
19	016918	850916075282	PUAN NOR ABIDAH BINTI MOHD LATIB
20	017194	710215105050	PUAN AZRINA BINTI OMAR
21	017601	800226146092	CIK IFARIZAINI BINTI IBRAHIM
22	017693	910708065014	PUAN ROHAYA BINTI ABDUL KARIM
23	017702	770328145272	PUAN MARINA BINTI SULAIMAN
24	017722	620730085809	ENCIK ROSLI BIN MOHD NOOR
25	017723	930212086661	ENCIK MOHAMMAD HADZRIN BIN HARUN
26	017727	900821015255	ENCIK MUHAMMAD SYAHMI BIN RANI
27	017731	930206036123	ENCIK SYED FIRDAUS BIN SHIKH SUDIN
28	017735	840620016006	PUAN ROIDIAH BINTI JAAFAR
29	017736	850920086742	PUAN SITI ARTIA'A BINTI ABD HAMID
30	017737	710405085978	PUAN NOORZITA BINTI SAMAH
31	017738	910417086464	PUAN NURUL IDAYU BINTI MOHAMAD DAIP
32	017750	830116145440	PUAN UMI SURAIYA BINTI ALIMIN
33	017756	890417146054	PUAN AMERA SABRENA BINTI AHMAD SOBRI
34	017758	590628115093	ENCIK ZAHARI BIN OMAR

35	017762	511114045149	TUAN SYED HASHIM BIN SYED A RAHMAN
36	017763	561101075715	YBHG. DATO' HAJI AZIZAN BIN NOORDIN
37	017766	620805086639	YBHG. DATO' MIOR FARIDALATHRASH BIN WAHID
38	017767	740325087153	ENCIK MOHD ASRI BIN MOHAMAD ALI TARMAIZI
39	017769	700223086153	ENCIK AZMAN BIN MOHD ALI
40	017770	990523088933	ENCIK NOR AFFANDI BIN NORAMAN
41	017781	491230045300	YBHG. DATIN MARDHIAH BTE MD ZIN
42	017782	481225085149	YBHG. DATO' MEOR REDWAN BIN MAHAYUDIN
43	017789	841222105171	YBHG. DATO' SHEIKH KAMARUZZAMAN BIN DAWOOD
44	017790	530707085537	YBHG. DATO' DR. KHALID BIN ISMAIL
45	017815	891115105403	ENCIK MOHD HASRUL BIN ABDULLAH
46	017865	930412086359	ENCIK ABU SUFIAN BIN HASSAN
47	017893	630812045439	ENCIK BAHRUDDIN BIN SULAIMAN
48	017894	980326106443	ENCIK MUHAMAD AMAL FIKRI BIN AZMAN SHAAR
49	017896	961006565153	ENCIK EZMEER HASYIMI BIN MOHD OSMAN

B) SENARAI ANGGOTA PERWAKILAN YANG TIDAK HADIR

BIL	NO. ANGGOTA	NO K/P	NAMA PERWAKILAN
1	002224	511118085439	PROF. EMERITUS DR. MD. NOR BIN MUSA
2	010531	640521106149	YBHG. DATO' KAMARULAZLI BIN JAAFAR
3	015011	640723035991	ENCIK ZAINUDDIN BIN MUHAMMAD
4	017761	750715085013	TUAN HAJI MOHD ASRI BIN MOHAMAD GHAZALI
5	017764	530904015634	PUAN AINON BINTI ABDULLAH

C) SENARAI ANGGOTA PERWAKILAN YANG TIDAK HADIR KERANA TELAH BERHENTI MENJADI ANGGOTA

BIL	NO. ANGGOTA	NO K/P	NAMA PERWAKILAN
1	009716	690917016030	PUAN NORHAYATI BINTI MOHD JARKONI
2	016658	860903055150	PUAN SURYANA BINTI SALEH @ SALLEH
3	017718	950125146871	ENCIK AMIRUL SUHAIL BIN AZIZAN
4	017696	900809055043	ENCIK AFZAL BIN ZAINUDIN
5	17640	910716146690	PUAN NURUL AZIMAH BINTI ADAN

D) SENARAI ANGGOTA PERWAKILAN YANG TIDAK HADIR KERANA HILANG KELAYAKAN

BIL	NO. ANGGOTA	NO K/P	NAMA PERWAKILAN
1	017670	880820435084	CIK SITI FARHANAH BINTI WAGIMAN

LAMPIRAN 2

PANDUAN PERJALANAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN YANG KE-83 TAHUN 2025/2026 KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI MELAYU MALAYSIA BERHAD (MOCCIS)

1. PERHIMPUNAN

Perwakilan hendaklah mendaftarkan diri pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Mesyuarat dan mengambil tempat duduk yang telah ditentukan.

2. BAHASA RASMI

Bahasa rasmi mesyuarat hendaklah Bahasa Melayu

3. KUORUM

Pengerusi Mesyuarat hendaklah menentukan korum seperti yang ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil mencukupi sebelum memulakan mesyuarat.

4. TERTIB BERUCAP

a) Pembentangan Usul

- i. Untuk menentukan perjalanan mesyuarat licin dan teratur, perwakilan koperasi yang tidak mengemukakan usul mengikut notis tidak dibenarkan berucap semasa Mesyuarat Agung Tahunan
- ii. Perwakilan yang telah mengemukakan usul mereka apabila dipanggil oleh Pengerusi hendaklah beliau berdiri dan mengemukakan usul-usul mereka.
- iii. Perwakilan individu yang telah dilantik sahaja yang dibenarkan mengemukakan usul.

b) Perbahasan Usul

- i. Apabila lebih dari seorang bangun untuk bercakap, perwakilan terdahulu bangun diberi keutamaan.
- ii. Perwakilan tidak boleh bercakap lebih dari sekali di atas sebarang perbahasan usul.
- iii. Seseorang perwakilan tidak boleh mengganggu perwakilan yang sedang bercakap kecuali jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat.

c) Had Masa Dan Etika Bercakap

- i. Perwakilan dibenarkan bercakap tidak lebih daripada tiga (3) minit semasa perbahasan.
- ii. Perwakilan tidak dibenarkan mengganggu perwakilan lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadab.

- iii. Jika Pengerusi memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, perwakilan yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan lain-lain perwakilan tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi memberi kebenaran untuk melanjutkan perbahasan.

5. ISI-ISI UCAPAN

- a) Perwakilan hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.
- b) Perkara-perkara yang dalam timbangan mahkamah tidak boleh disebut.
- c) Seseorang perwakilan tidak boleh menggunakan bahasa biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat terhadap perwakilan lain.
- d) Nama, kelakuan dan sifat Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung atau nama Raja-Raja Melayu atau Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi mesyuarat.
- e) Seseorang perwakilan yang bercakap tidak boleh menggunakan :-
 - i. Perkataan-perkataan yang derhaka kepada Raja dan Negara
 - ii. Perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan
 - iii. Perkataan-perkataan bersifat sentiment perkauman yang boleh menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan di antara kaum di Malaysia.
- f) Jika pada pertimbangan Pengerusi, bahawa apa-apa ucapan perwakilan itu, tujuannya melanggar panduan etika mesyuarat ini, maka Pengerusi boleh menolak atau memberhentikan ucapan itu.

6. ADAB PERWAKILAN TIDAK BERCAKAP

Semasa mesyuarat sedang berjalan: -

- a) Perwakilan hendaklah masuk ke dalam dewan atau keluar daripada dewan atau membawa diri dalam dewan dengan tertib adab.
- b) Seseorang perwakilan tidak boleh melintas ruangan tengah dewan tanpa apa-apa urusan.
- c) Perwakilan tidak boleh membaca surat khabar, buku, surat atau lain-lain kecuali bahan bertulis yang ada kena-mengena dengan perkara yang dibincangkan.
- d) Semasa seseorang perwakilan bercakap, perwakilan lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

7. KUASA Pengerusi Mesyuarat dan Tertib dalam Mesyuarat

- a) Bila perwakilan ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan etika mesyuarat, perwakilan hendaklah diam dan memberi tumpuan supaya percakapan Pengerusi dapat didengar atau tidak terganggu.
- b) Pengerusi boleh mengarahkan seseorang perwakilan berhenti bercakap sekiranya beliau menyebut perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan Mesyuarat.
- c) Pengerusi boleh mengarahkan mana-mana perwakilan yang berkelakuan biadab keluar dengan serta-merta dari dewan mesyuarat.
- d) Perwakilan yang diarahkan keluar dengan serta-merta hendaklah keluar dari dewan dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.

Jika perwakilan berkenaan engkar atau membantah, maka Pengerusi boleh mengarahkan Pengawal Keselamatan atau Polis membawa perwakilan itu keluar dari dewan mesyuarat.

- e) Pengerusi mempunyai kuasa muktamad untuk memastikan supaya Panduan Etika Mesyuarat ini dipatuhi.

CATATAN



HUBUNGI KAMI :

☎ 03-4260 4227 Fax: 03-42604236

✉ moccisb@moccis.org.my

🌐 www.moccis.org.my

📍 Wisma MOCCIS, No.27-3, Jelatek Business Centre,
Jalan Jelatek 2, Off Jalan Jelatek, 54200 KL, WP